



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN ایمان

"NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam keluar pada Hari Aidilfitri, lalu Baginda melakukan Solat Hari Raya sebanyak dua rakaat dan tidak melakukan solat yang lain sama ada sebelum atau selepasnya".
- Hadis daripada Ibn 'Abbas Radiallahuanhuma, Riwayat al-Bukhari (945)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.08 DUHA 6.32 ZUHUR 12.21 ASAR 3.47 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.48 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 71

12 JUN 2024 / 1445 5 ذو الحجه

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

PERSAHABATAN NBD-SINGAPURA WUJUDKAN HUBUNGAN UNIK, ISTIMEWA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta rombongan dalam rangka Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 2).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



KERJASAMA serantau tangani isu keselamatan siber

Muka 9



MANFAATKAN perdagangan karbon untuk pembangunan ekonomi

Muka 11

Berkenan hantar perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. dan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan

tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr., kerajaan dan rakyat Republik Filipina sempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Filipina yang Ke-126.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia bersempena dengan Russia Day.



RENCANA
DERMA darah mampu menyelamatkan nyawa

Muka 21

Persahabatan NBD-Singapura wujudkan hubungan unik, istimewa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta rombongan dalam rangka Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Persahabatan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura yang dibina telah mewujudkan hubungan yang unik dan istimewa, bekerjasama dalam bidang pertahanan, pendidikan, kesihatan dan juga mata wang (*currency*) serta yang terakhir adalah penting dalam memastikan kestabilan ekonomi kedua-dua buah negara semasa krisis kewangan serantau dan kemelesetan ekonomi.

Demikian antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta rombongan dalam rangka Lawatan Rasmi ke NBD, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menzahirkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lawrence Wong atas pelantikannya sebagai Perdana

Menteri Republik Singapura Ke-4 baru-baru ini dan seterusnya melahirkan keyakinan Tuan Yang Terutama akan terus menerajui Pemimpin-pemimpin 4G di bawah 'Forward Singapore' ke arah memastikan pembangunan dan kemakmuran Singapura yang berterusan.

Baginda bertitah, selama beberapa dekad sebelum NBD mencapai kemerdekaan dan dari sejak itu juga, kedua-dua negara telah menikmati hubungan yang kukuh meliputi pelbagai sektor, membina kepercayaan dan keyakinan sebagai asas yang kukuh demi masa hadapan.

Dalam titah, baginda menyatakan, sebagai dua negara kecil berdaulat yang dikelilingi oleh negara-negara jiran yang lebih besar, kedua-dua buah negara berkongsi hasrat yang sama yang diasaskan melalui persahabatan rapat antara Al-Marhum paduka ayahanda baginda, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan mendiang Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menzahirkan penghargaan atas sokongan Singapura semasa terjadinya pandemik COVID-19 dan menekankan bahawa dalam menghadapi masa depan yang

semakin tidak menentu akibat perubahan iklim, konflik geopolitik dan persaingan kuasa utama, kedua-dua belah pihak telah mula membina perkongsian yang lebih mendalam dalam keselamatan makanan dan rantaian bekalan perubatan.

Dalam hal ini, tambah baginda, NBD dan Republik Singapura terus memupuk hubungan yang lebih erat dalam kalangan rakyat, khususnya melalui Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) yang kini memasuki tahun ke-10.

Merujuk kepada perbincangan yang membual hasil apabila NBD menjadi tuan rumah kepada Program YLP berkenaan pada tahun 2023, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzhirkan keyakinan bagi kedua-dua buah negara akan terus mengukuhkan ikatan persahabatan antara satu sama yang lain pada tahun-tahun mendatang.

Selain itu, baginda merakamkan penghargaan atas sokongan dan bantuan Republik Singapura semasa NBD menjadi Pengerusi ASEAN dan APEC sebelum ini dan selanjutnya mengalau-alukan kerjasama yang berterusan dalam forum serantau dan antarabangsa untuk memastikan keamanan, keselamatan dan kemakmuran serantau.

Sebelum mengakhiri titah, Kebawah DYMM mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan berterusan kepada Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan Madam Loo Tze Lui serta untuk kemajuan dan kemakmuran rakyat Republik Singapura.

WAKTU SEMBAHYANG

Jun MASIHI	HARI	Zulhijah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	5	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
13	KHAMIS	6	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	JUMAAT	7	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
15	SABTU	8	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	AHAD	9	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
17	ISNIN	10	4.34	4.44	6.09	6.33	12.21	3.48	6.33	7.49
18	SELASA	11	4.34	4.44	6.09	6.33	12.21	3.49	6.34	7.50

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
33 25 °C /,,,	32 25 °C /,,,	32 24 °C /,,,
Pekan Bangar		
32 25 °C /,,,	31 25 °C /,,,	31 24 °C /,,,
Pekan Tutong		
32 25 °C /,,,	31 25 °C /,,,	32 25 °C /,,,
Kuala Belait		
31 25 °C /,,,	31 25 °C /,,,	32 25 °C /,,,
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

Bersama menjaga, memelihara alam sekitar

USAHA-usaha dalam memupuk kesedaran akan kepentingan alam sekitar perlu terus dipergiatkan bagi menggalakkan masyarakat tempatan supaya lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran dan setentunya kelestarian alam sekitar. Kita perlu menjaga dan memelihara alam sekitar yang merupakan aset penting untuk kelestarian kehidupan semua makhluk di atas muka bumi ini.

Oleh itu, menjaga dan memelihara alam sekitar ini amat penting kerana alam sekitar ini adalah ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala dan setiap ciptaanNya pasti ada sebab dan fungsinya. Al-Quran dan sunnah memberi penekanan serius mengenai penjagaan alam sekitar di mana kedua-dua sumber rujukan umat Islam ini menyeru setiap manusia mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang agung.

Bumi yang luas ini dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di laut. Alam sekitar yang tidak tercemar memberikan kita suasana yang selesa dan menyamankan.

Justeru, apakah peranan kita selaku masyarakat untuk sama-sama menjaga dan melestarikan lagi alam sekitar. Sebenarnya kuasa untuk menyelamatkan alam sekitar kita adalah terletak di tangan kita sendiri.

Bagi memastikan persekitaran kita selamat untuk didiami, orang awam perlu mengambil berat dan memberi perhatian terhadap kebersihan di dalam dan juga di luar rumah mereka terlebih dahulu. Ini kerana menjaga kebersihan alam sekitar perlu berakar umbi dari rumah. Setiap anggota masyarakat perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menjaga kebersihan, misalnya tidak sesuka hati membuang sampah ke dalam longkang dan sistem perparitan, kerana ia akan menyebabkan sistem saliran tersumbat dan akhirnya akan membawa kepada masalah-masalah lain seperti banjir dan sebagainya.

Selain itu, sebagaimana yang sering dilakukan di negara kita di mana pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan maupun pihak swasta terus bergiat aktif dalam melakukan aktiviti penanaman pokok sama ada ia dilakukan di kawasan bandar maupun kawasan perhutanan atau di tepi-tepi pantai.

Malah, aktiviti Kempen Kebersihan juga giat diadakan dan masyarakat tempatan berkumpul bersama-sama dan bergotong-royong melakukan kempen berkenaan bagi memastikan kebersihan kawasan tersebut sentiasa terjaga dan setentunya sedap mata memandangnya. Setiap anggota masyarakat perlu sedar bahawa usaha pemuliharaan patut menjadi teras dalam diri masing-masing, kerana kesedaran dalam diri setiap individu adalah sangat penting. - Ketua Penyuntingan (ZK)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS PERSANTAPAN RAIKAN LAWATAN RASMI PM SINGAPURA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haji Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta dengan kerabat diraja dan rombongan rasmi Republik Singapura bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman,



hari ini.

Majlis Persantapan Rasmi dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada majlis berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan diikuti dengan ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang antara lain

menyatakan telah memulakan lawatan pengenalannya ke negara ASEAN dan Negara Brunei Darussalam di mana merupakan lawatan pertama yang mencerminkan hubungan yang begitu istimewa, dikongsi oleh kedua-dua buah negara merentasi generasi para pemimpin.

Hubungan istimewa tersebut kata Tuan Yang Terutama, wujud menerusi pandangan strategik yang dikongsi serta hubungan peribadi yang rapat dan tahap kepercayaan yang tinggi antara pemimpin kedua-dua buah negara.

>> Muka 4



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas, kanan, bawah kiri dan bawah tengah).



MAJLIS Persantapan Rasmi dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).



PERDANA MENTERI REPUBLIK SINGAPURA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong semasa menyembahkan ucapan balas (kanan). Manakala gambar kanan sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri.



>> Muka 3

TYT seterusnya menyatakan bahawa di bawah perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jalinan hubungan dua hala telah berkembang dan seterusnya menjelaskan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa menekankan kepentingan Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) yang dilancarkan pada tahun 2012 sebagai tempat untuk pemimpin muda dari kedua-dua belah pihak membina keakraban dan persahabatan antara satu sama lain. Lawatan Rasmi Pertama TYT ke luar negara sebagai

Perdana Menteri Republik Singapura sejak pelantikannya pada 15 Mei 2024, yang antara lainnya mencerminkan keakraban hubungan yang mesra antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang sudah sekian lama terjalin.


Selain itu, lawatan tersebut memberi peluang kepada

kedua-dua pemimpin untuk mengesahkan dan mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dua hala yang sedia ada serta membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama dan meneroka bidang-bidang kerjasama baharu yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua buah negara.



KEBAWAH DYMM PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI berkenan berbual mesra bersama Madam Loo Tze Lui (kanan). Sementara gambar kanan sekali, antara yang hadir pada Majlis Persantapan Rasmi yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman.

KERJASAMA KUKUH PELBAGAI BIDANG MEMACU PEMBANGUNAN NBD, SINGAPURA



KEBAWAH DULI YANG MHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM berkenan berangkat bagi Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Pada Majlis Perjumpaan Dua Hala itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengalau-alukan Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang mengadakan Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam (NBD) buat pertama kali sebagai Perdana Menteri Republik Singapura Ke-4, sekali gus mencerminkan hubungan istimewa dan unik antara NBD dan Republik Singapura.

Mengimbau kembali kepada pertemuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam serta bersama Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila

Utama Lee Hsien Loong dan Datin Seri Madam Ho Ching pada awal tahun ini, baginda bertitah, pertukaran-pertukaran ini amat bermakna dalam mana kedua-dua buah negara berkenaan meraikan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik pada tahun ini.

Ke arah ini, baginda menzahirkan rasa gembira atas kesinambungan hubungan yang lebih erat di kalangan generasi muda bagi menghormati dan menghargai usaha-usaha yang diterajui oleh Al-Marhum paduka ayahanda baginda, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan mendiang Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri Singapura.

Program Pemimpin-pemimpin Muda (YLP) kini memasuki tahun ke-10 yang mana baginda menghargai komitmen dan

sumbangan TYT Lawrence Wong dalam memupuk hubungan lebih erat antara kedua-dua buah negara.

Semasa YLP Ke-9 di Brunei pada tahun lepas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga telah mengadakan perbincangan yang bermanfaat bersama TYT.

Perbincangan Dua Hala juga menyentuh mengenai kerjasama cemerlang dalam bidang kebolehukuran mata wang, pertahanan, pendidikan, kesihatan dan pertukaran antara rakyat termasuk program-program perkhidmatan awam.

Singapura merupakan rakan perdagangan yang penting kepada NBD dan kedua-dua buah negara berkongsi perkongsian yang bermanfaat yang telah

menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengesahkan kembali komitmen untuk saling bekerja rapat dalam bidang-bidang baharu termasuk keselamatan makanan, bekalan perubatan dan ekonomi hijau ke arah persediaan menghadapi cabaran masa depan.

Majlis Perjumpaan Dua Hala juga menyentuh isu-isu serantau dan antarabangsa termasuk perkembangan di ASEAN, Myanmar, Laut China Selatan dan Palestin-Israel.

Di samping itu, baginda merakamkan penghargaan atas sokongan Singapura dalam Perjanjian Penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN dan menekankan kepentingannya dalam menghadapi perubahan iklim global.

Sementara itu, TYT menyatakan bahawa lawatan ini merupakan lawatan pengenalan ke semua Negara Anggota ASEAN, dan seterusnya mengongsikan bahawa NBD menjadi destinasi persinggahan pertama yang mencerminkan kepentingan Singapura terhadap hubungan kukuh yang dikongsi bersama NBD.

Dalam hal ini, NBD telah lama menjadi rakan Singapura yang dipercayai dengan pandangan strategik yang dikongsi bersama, dan TYT berharap agar kedua-dua buah negara akan terus membina hubungan berkenaan.

TYT seterusnya merakamkan penghargaan atas kepimpinan berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan mengalau-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Singapura bagi YLP Ke-10.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui yang berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam, pagi tadi berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui yang berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman,

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

di sini.


Berangkat sama ke Majlis Mengadap tersebut ialah kerabat diraja.

Juga hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Menteri Pengiring, dan isteri; serta rombongan rasmi Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman dan beramah mesra bersama Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan seterusnya mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama bersempena Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam.



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas, kiri sekali dan kiri).

BERKENAN MENGHOSKAN MAJLIS SANTAP PETANG



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menghoskan Majlis Santap Petang untuk Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Selasa, 11 Jun. - Duli

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji

Salleh Ab. Rahaman berkenan menghoskan Majlis Santap Petang untuk Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui.

Juga berangkat pada Majlis Santap Petang yang berlangsung di Qashr Al-Meezan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Singapura



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui (atas dan atas kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 11 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, pagi tadi berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui yang mengadakan Lawatan Rasmi selama sehari ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis Sambutan Rasmi

dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara. Tuan Yang Terutama Lawrence Wong kemudian memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura seterusnya diperkenalkan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Seterusnya, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejaz Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam; dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal



Luar Negeri.
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah kemudian disembahkenalkan kepada rombongan rasmi Republik Singapura.

Lawatan Rasmi berkenaan merupakan lawatan pengenalan TYT sebagai Perdana Menteri Republik Singapura yang baharu sejak pelantikannya pada 15 Mei 2024.



TUAN Yang Terutama Lawrence Wong memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

BRUNEI TEWASKAN SRI LANKA 1 - 0



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa sempena FIFA Days yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 11 Jun. - Skuad Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan lagi dengan prestasi cemerlang selepas menewaskan pasukan Sri Lanka dengan jaringan 1 - 0 pada perlawanan kedua Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa sempena FIFA Days yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada separuh masa pertama perlawanan menyaksikan pasukan Sri Lanka hampir

menjaringkan gol pertama melalui hantaran silang namun berjaya diselamatkan penjaga gawang Brunei.

Perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan terus berbalas-balas serangan dan pada minit ke-37, Skuad Bola Sepak Kebangsaan NBD menerusi Muhamad Azwan bin Ali Rahman membuka tirai jaringan selepas tendangan *lob ballnya* berjaya menewaskan penjaga gawang Sri Lanka.

Perlawanan semakin panas pada minit ke-62, skuad kebangsaan NBD beraksi dengan 10 pemain apabila Pengiran Yura Indera Putera bin Pengiran Yunos dilayangkan kad merah selepas menerima kad kuning kedua kerana membuat terjahan keras terhadap pemain Sri Lanka.

Pasukan Sri Lanka tidak berputus asa dengan melancarkan



serangan demi serangan untuk menyamakan kedudukan namun tidak membawa hasil.

Jaringan 1 - 0 kekal hingga wisel penamat.

Pada Sidang Media yang berlangsung selepas perlawanan, Ketua Jurulatih Pasukan Sri Lanka, Andrew Charles Morrison meluahkan rasa puas hati dengan

permainan pasukannya yang kerap kali membuat serangan namun turut berasa kecewa kerana gagal menjaringkan gol dalam kedua-dua perlawanan tersebut.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Skuad Bola Sepak Kebangsaan NBD, Rui Batista menyatakan bahawa skuad bimbangannya

telah memenangi tiga perlawanan antarabangsa berturut-turut dan menyedari bahawa skuad NBD berdepan dengan masalah fizikal iaitu kekurangan pemain meskipun bermain dengan 10 pemain dalam tempoh masa lebih 30 minit tetapi skuad bimbangannya mampu bertahan dan mengekalkan kedudukan.



ANTARA aksi pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa tersebut (atas sekali kanan, atas kiri dan kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir menyaksikan perlawanan berkeraan.

Pendaratan Helikopter Blackhawk S70i Sempena Ulang Tahun Ke-60 ISB

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei



ANTARA yang berangkat ke acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas kanan). Sementara gambar atas, Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley dan Pengurus Besar ISB, Vienna Law semasa sesi bergambar ramai. Manakala gambar bawah kanan, para pelajar diberi peluang untuk melihat helikopter berkenaan.

SALAMBIGAR, Selasa, 11 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-60 Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), acara pendaratan helikopter diadakan pagi tadi di kampus Bandar ISB.

Acara tersebut menyaksikan helikopter Blackhawk S70i dari Kementerian Pertahanan mendarat di padang sukan ISB.

Semasa helikopter mendarat, kakitangan ISB memasang sepanduk di atas tanah yang memperkenan Logo Ulang Tahun Ke-60 ISB dan kemudian para pelajar menengah dan kakitangan ISB membentuk nombor 60 di atas padang

sempena memperingati ulang tahun sekolah tersebut.

Antara yang berangkat ke acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Para pelajar Sekolah Rendah dan Menengah ISB kemudiannya diberi peluang untuk melihat helikopter berkenaan dengan lebih dekat lagi, yang menempatkan seramai 21 anggota Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), diketuai oleh Juruterbang, Kapten (U)

Awangku Adri Firdaus bin Pengiran Haji Rakawi dan Pegawai Penyelaras Leftenan (U) Nur Hazwanie binti Asmad, berkongsi pandangan mengenai pelbagai ciri dan fungsi pesawat tersebut.

Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley dan Pengurus Besar ISB, Vienna Law, kemudian menyampaikan tanda penghargaan kepada Kementerian Pertahanan.

Tahun ini merupakan Ulang Tahun Ke-60 ISB, acara pendaratan helikopter hari ini diadakan dengan tujuan untuk memeriahkan lagi sambutan

dengan acara yang tidak dapat dilupakan, di samping memberikan pelajar pengalaman mencabar dan mendidik.

ISB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pertahanan

kerana menjayakan majlis yang bermakna ini.

Acara hari ini juga mengingatkan kembali pendaratan helikopter di Kampus ISB sebelum ini, di Berakas 10 tahun lalu pada 11 Jun 2014.



PM Republik Singapura bertolak meninggalkan NBD

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis, Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong semasa mengadakan perjumpaan bersama dengan beberapa orang Menteri Kabinet yang diadakan di Assarra.



TUAN Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta rombongan meninggalkan NBD setelah mengadakan Lawatan Rasmi selama sehari (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Selasa, 11 Jun. - Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, dan isteri, Madam Loo Tze Lui yang mengadakan Lawatan Rasmi selama sehari ke negara ini, petang tadi bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sebelum menaiki pesawat, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura melintasi Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama dan isteri, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang

Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Menteri Pengiring dan isteri; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, dan isteri.

Juga hadir sama, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri; juruiring-juruiring tentera; pegawai-pegawai penghubung dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD.

Terdahulu, Perdana Menteri

Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong semasa mengadakan Lawatan Rasmi ke NBD pada hari ini turut mengadakan perjumpaan bersama dengan beberapa orang Menteri Kabinet yang diadakan petang tadi di Assarra.


Hadir pada sesi perjumpaan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi.

Lawatan Rasmi berkenaan merupakan sebagai sebahagian daripada lawatan ke luar negara pertamanya sejak pelantikannya pada 15 Mei 2024 lalu dan sebagai sebahagian daripada siri lawatan pengenalan ke ibu-ibu negara Asia Tenggara.

Tahun ini genap Ulang Tahun Ke-40 hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Singapura. Hubungan yang begitu erat membuka ruang kerjasama kepada kedua-dua buah negara dalam bidang yang memberi manfaat bersama termasuk pendidikan, pertahanan dan pelancongan. Melalui jalinan tersebut kedua-dua buah negara terus komited memperluas dan mendalami kerjasama dua hala merentasi pelbagai sektor.

MEMPERKUKUH KETAHANAN SIBER, MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa berucap.

JERUDONG, Selasa, 11 Jun. - Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-15 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini hingga 12 Jun, anjuran Majlis Mesyuarat Negara (MMN) membuka tirainya dengan Majlis Pembukaan Rasmi yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan perasmian majlis tersebut ialah Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 telah dihadiri oleh

perwakilan-perwakilan Parlimen Negara ASEAN, rakan-rakan kongsi AIPA, serta jemputan-jemputan khas terdiri dari pihak agensi kerajaan berkaitan serta Perwakilan-perwakilan Negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN dalam ucapannya semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15, menekankan kepentingan tema, 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation: Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy', sebagai usaha memperkuuh ketahanan siber dalam menyokong pertumbuhan ekonomi digital, selaras dengan visi ASEAN 2025.

Dalam dunia yang semakin terhubung tambah Yang Berhormat, ketahanan siber merupakan elemen penting bagi melindungi ekonomi, masyarakat dan cara hidup masyarakat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, Negara Brunei Darussalam telah mengenal pasti strategi, pemudah (enablers) dan ukuran kejayaan bagi membangunkan cabaran landskap digital rantau ASEAN.

Yang Berhormat turut menekankan mengenai risiko siber yang wujud seperti ancaman

serangan siber.

Oleh yang demikian jelas Yang Berhormat, kerjasama parlimen adalah penting bagi menangani ancaman dan memanfaatkan peluang bagi membangunkan ekonomi digital ASEAN melalui usaha seperti ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA) dan Bandar Seri Begawan Roadmap bagi memperkuuh keselamatan dan ketahanan siber.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, selaku Penggerusi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan tema mesyuarat dalam persediaan untuk menghadapi ketidakstabilan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam mengiktiraf peluang dan cabaran transformasi teknologi tambah Yang Berhormat,

Negara Brunei Darussalam telah menumpukan usaha untuk memperkuuhkan lagi strategi digital inklusif bagi meningkatkan manfaat sosial dan ekonomi serta keselamatan digital dan siber.

Akhir sekali, Yang Berhormat berharap melalui Mesyuarat AIPA CAUCUS ini dapat memperkuuhkan lagi kerjasama dan meneroka penyelesaian inovatif dalam kalangan ahli parlimen.

Manakala Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan ucapannya, menggariskan kepentingan pertubuhan AIPA dalam merealisasikan Komuniti ASEAN.

Puan Yang Terutama menyeru Parlimen Anggota AIPA untuk sentiasa bekerjasama melalui perkongsian amalan-amalan strategi, dan mencipta dasar kukuh ke arah melindungi ekonomi digital.

Kerjasama ini tekan PYT, penting dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan generasi akan datang.

Mesyuarat diikuti dengan Sidang Plenary Pertama, yang mana agenda utama adalah berkenaan status pelaksanaan resolusi Perhimpunan Agung AIPA Ke-44 di Jakarta, Indonesia pada tahun lalu.

Perwakilan-perwakilan Parlimen Negara ASEAN telah berpeluang

untuk mengongsikan status serta kejayaan negara masing-masing dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif berkenaan resolusi-resolusi yang telah diluluskan.

Kepentingan pelaksanaan resolusi ini adalah untuk memastikan resolusi dapat diterjemahkan kepada Tindakan, yang akan dapat memberi manfaat kepada semua Negara Anggota ASEAN.

Ahli parlimen memainkan peranan penting dalam bekerjasama rapat dengan kerajaan ke arah merealisasikan matlamat yang telah dipersetujui bersama dan membantu dalam pemantauan pelaksanaan dasar-dasar yang diluluskan sebagai penghubung utama antara rakyat dan kerajaan.

Terdahulu sebelum Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN telah mengadakan Majlis Kunjungan Muhibah bersama dengan Ketua-ketua Delegasi Perwakilan Parlimen Negara ASEAN yang menghadiri Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh delegasi MMN yang terdiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Kerjasama serantau tangani isu keselamatan siber



YANG Berhormat Ahli MMN semasa mempengerusikan Sidang Plenary Kedua Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-15.

JERUDONG, Selasa, 11 Jun. - Sidang Plenary Kedua Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-15

diteruskan pada sebelah petang dengan membincangkan tema topik Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15.

Sebagai Tuan Rumah, Negara Brunei Darussalam menumpukan perhatian kepada tema 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation: Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy'.

Sidang tersebut telah dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Pada mesyuarat yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, di sini, beberapa pembentangan telah dibentangkan oleh Deputy Secretary General for ASEAN Economic Community, Mr. Satvinder Singh; Interim Commissioner, Cybersecurity Brunei, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis;

serta wakil dari Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), Dr. Aladdin Dolorito Rillo.

Pembentangan-pembentangan tersebut telah mengongsikan pandangan yang mendalam dan cadangan strategik untuk memperkuuhkan ketahanan siber



selain meningkatkan transformasi digital.

Deputy Secretary General for ASEAN Economic Community mengongsikan bahawa ASEAN sedang merancang untuk menubuhkan ASEAN Regional Computer Emergency Response Team (CERT) bagi menangani segala ancaman ketahanan siber.

Sementara itu, Cybersecurity Brunei mengongsikan mengenai usaha negara ke arah meningkatkan keselamatan siber dan keupayaan ketahanan siber melalui pelaksanaan Cyber Security Order 2023 dan Strategi

Kebangsaan Keselamatan Siber.

Selain itu, Cybersecurity Brunei juga menekankan bahawa kerjasama serantau ASEAN adalah penting dalam usaha-usaha menangani isu-isu keselamatan siber.

Antara lain, pihak ERIA mengongsikan kepentingan dalam mendukung pembangunan pengetahuan dan kapasiti ke arah integrasi digital; selain itu, menekankan kerjasama keselamatan siber serta tadbir urus data untuk mencapai budaya digital yang aman dan makmur di masa hadapan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

MEMASTIKAN DIGITAL NBD SEJAJAR NEGARA ASEAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap pada forum berkenaan.

di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong, hari ini.

Untuk memudahkan pertumbuhan dalam sektor ini jelas Yang Berhormat, kedua-dua kerajaan dan sektor swasta telah melabur dalam infrastruktur digital. Sebagai contoh, perkhidmatan mudah alih Generasi Ke-5 (5G) yang dilancarkan pada tahun 2023, yang membolehkan akses internet berkelajuan ultra-tinggi sehingga 300Mb setiap saat, berbanding dengan 20Mb hingga 80Mb setiap saat di rangkaian 4G.

Ini telah membuka dunia yang penuh dengan potensi dan peluang untuk meningkatkan pengeditan di semua sektor terutamanya untuk perniagaan dan orang awam. Menurut Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), 90 peratus kawasan penduduk negara diliputi oleh perkhidmatan mudah alih yang bersedia untuk 5G dengan usaha berterusan untuk meluaskan litaran.

"Selain itu, untuk memastikan bahawa persekitaran digital negara sejajar dengan negara-negara ASEAN lain, kerajaan telah melancarkan beberapa inisiatif lain seperti penubuhan pusat data komersial, menetapkan undang-undang dan rangka kerja yang berkaitan, penubuhan Makmal Inovasi negara untuk membimbing usahawan digital serta memperbaharui perkhidmatan

kerajaan melalui penggunaan platform digital.

"Projek Pusat Pembayaran Digital (The Digital Payment Hub Project) adalah salah satu projek utama yang sedang berjalan di bawah Majlis Ekonomi Digital (Digital Economy Council - DEC). Projek ini akan membolehkan pemindahan wang bank secara segera dan selamat, meningkatkan inklusif kewangan dan pertumbuhan Fintech dalam kawasan tersebut.

"Walaupun ekonomi digital memberikan peluang keemasan untuk pertumbuhan ASEAN, ia tidak datang tanpa cabaran. Aspek penting adalah memperkuuh keselamatan siber dan perlindungan data. Apabila kita bergantung pada infrastruktur digital semakin meningkat, jenayah siber juga meningkat.

"Kajian menunjukkan bahawa 1,000 syarikat teratas di Asia Tenggara berisiko kehilangan USD750 bilion dalam kapitalisasi pasaran disebabkan ancaman keselamatan siber dan rantau ini perlu menghabiskan kira-kira USD171 bilion untuk keselamatan siber antara sekitar tahun 2017 hingga 2025.

"Dari serangan malware yang canggih hingga pelanggaran data, ancaman siber mempunyai potensi untuk mengganggu perniagaan, merosakkan kepercayaan pengguna dan menghalang kemajuan ekonomi," jelas Yang Berhormat.

Dengan membawakan tema 'Membangun Ekonomi Digital yang Dinamik di ASEAN : Strategi untuk Daya Tahan Siber dan Kemakmuran Bersama', tema ini sangat relevan dan tepat pada masanya, merupakan inti pati sebenar perhimpunan hari ini.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menambah, dengan pertumbuhan ekonomi digital yang belum pernah terjadi sebelumnya di ASEAN, kita mempunyai potensi untuk membuka masa depan yang dipenuhi dengan kemakmuran dan peluang, yang hanya dapat dilaksanakan jika kerajaan dan pemimpin perniagaan serantau bekerjasama untuk menangani cabaran dan membudayakan ekosistem digital yang kukuh yang memberikan keutamaan kepada inovasi, keselamatan, aliran bebas barang dan perkhidmatan dalam kawasan tersebut.

Oleh yang demikian, ujar Yang Berhormat, forum ini berperanan sebagai platform penting bagi kita untuk bersatu, berkongsi amalan terbaik dan membentuk strategi kolaboratif. Dengan mendorong dialog terbuka antara ahli parlimen, pemimpin industri dan ahli akademik, kita dapat membuka jalan bagi sebuah masa depan di mana ekonomi digital memperkasakan bukan hanya perniagaan tetapi juga individu-individu di seluruh kawasan, mendorong kemakmuran bersama dan masa depan yang lebih cerah bagi semua.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat menyatakan beberapa tahun lalu, dunia menyaksikan kebimbangan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Rantau ASEAN seperti banyak negara yang lainnya, turut terkesan berat dengan ekonomi ASEAN secara keseluruhan menyusut sebanyak 3.7 peratus pada tahun 2020. ASEAN tidak hanya menghadapi badai tersebut, tetapi mampu bangkit lebih kuat, dengan ekonominya bersiap untuk

**Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

kebangkitan yang luar biasa.

Menurut Yang Berhormat, KDNK ASEAN mencapai USD3.6 trillion pada tahun 2022, meletakkannya sebagai ekonomi terbesar kelima di dunia. Melihat ke depan, projeksi menunjukkan bahawa KDNK ASEAN bersiap untuk mencapai anggaran USD4.5 trillion menjelang tahun 2030, mendorong ASEAN ke kedudukan ekonomi terbesar keempat di dunia. Trajektori ini memperlihatkan ketahanan, kebolehsuaian dan komitmen yang teguh terhadap kemajuan di kawasan ini.

Namun ujar Yang Berhormat, kisah pertumbuhan ini hanyalah permulaan. Walaupun sektor tradisional memainkan peranan penting, ekonomi digital menyediakan peluang transformasi. Dengan 440 juta warga kini terhubung dalam talian, sebuah komuniti yang aktif secara digital adalah pemacu inovasi dan peluang di seluruh rantau. Revolusi digital ini menyediakan peluang bersejarah bukan sahaja untuk mengekalkan pertumbuhan tetapi juga untuk mendorongnya ke arah pertumbuhan yang lebih besar.

Menurut the Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), ekonomi digital ASEAN bersiap untuk pertumbuhan luar biasa, dengan projeksi peningkatan tahunan sebanyak enam peratus, yang berpotensi mencapai sekitar USD1 trillion menjelang tahun 2030. Selain itu, pelaksanaan Perjanjian Kerangka Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) mempunyai potensi untuk menggandakan sumbangan nilai ini, membuka peluang sebanyak USD2 trillion untuk ekonomi ASEAN menjelang tahun 2030.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir pada majlis berkenaan.



JERUDONG, Isnin, 10 Jun. - Dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 iaitu memiliki ekonomi yang dinamik dan mampan, satu Pelan Induk Ekonomi Digital telah dilancarkan pada Jun 2020 yang berfungsi sebagai peta jalan untuk mempercepat transformasi digital Brunei.

Ekosistem digital Brunei pada ketika ini, masih pada peringkat awal berbanding dengan yang lain di rantau ini, meskipun mempunyai potensi yang besar. Pada tahun 2023, Sektor ICT menyumbang 2.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dengan sektor telekomunikasi menjadi penyumbang utama 73.1 peratus.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada The Tripartite Forum on Building a Vibrant Digital Economy in ASEAN : Strategies for Cyber Resilience and Shared Prosperity yang berlangsung

Kerjasama serantau bina daya tahan siber



digital menawarkan banyak faedah kepada masyarakat, celik digital dan kesedaran siber tidak sepadan dengan kadar penggunaan digital yang mewujudkan peluang untuk jenayah siber dan penipuan dalam talian berkembang.

Pada sebelah pagi, forum tersebut menampilkan ucaptama yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Presiden Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Profesor Tetsuya Watanabe.

Forum selama sehari itu turut menekankan akan kepentingan untuk melindungi infrastruktur kritikal dan data sensitif ASEAN ke arah masa depan digital selain memberikan pandangan tentang isu utama yang dihadapi oleh pertumbuhan ekonomi digital di ASEAN dan menangani keperluan kerjasama serantau untuk membina daya tahan siber.

Para peserta juga membincangkan strategi untuk

meningkatkan celik digital, penyelaras peraturan dan pembangunan perkongsian awam-swasta untuk mengukuhkan keselamatan siber di seluruh rantau ini.

Tripartite Forum tersebut dihoskan oleh Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA), Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei dengan kerjasama ERIA.

Acara ini merupakan sebahagian daripada Program Ekonomi Brunei, yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan organisasi sektor swasta dan awam terkemuka.

SEKITAR Tripartite Forum yang menghimpunkan pemimpin perniagaan, ahli parlimen dan pegawai kerajaan dari seluruh ASEAN yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei (kanan dan atas kiri).

JERUDONG, Isnin, 10 Jun. - Tripartite Forum menghimpunkan lebih 400 pemimpin perniagaan, ahli parlimen dan pegawai kerajaan dari seluruh ASEAN untuk membincangkan isu di bawah tema 'Membina Ekonomi Digital yang Rancak di ASEAN: Strategi untuk Ketahanan Siber dan Kemakmuran Bersama'.

Forum yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, menekankan bahawa walaupun transformasi

MANFAATKAN PERDAGANGAN KARBON UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI

BRUNEI MYCE 2024
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 13 Jun 2024, dirasmikan pagi tadi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Dengan membawakan tema 'Biodiversity : Nature's Blueprint for Sustainability', persidangan tersebut merupakan anjuran bersama antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersempena Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2024 (Brunei MYCE 2024).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan serta merasmikan pembukaan persidangan tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menekankan mengenai peranan penting aliran pendapatan yang inovatif seperti perdagangan karbon dalam mendorong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Yang Berhormat juga menekankan manfaat berganda yang boleh diperoleh melalui perlindungan alam sekitar dan pembangunan ekonomi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa selain mempromosikan aktiviti ekopelancongan dan pengambilan hasil hutan untuk menghasilkan pendapatan, potensi hutan juga boleh diterokai sebagai cara untuk mendapatkan pendapatan seperti perdagangan karbon untuk pembangunan ekonomi.

"Melindungi ekosistem ini memastikan alam sekitar mampan dan memberi peluang untuk



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Biodiversity : Nature's Blueprint for Sustainability' (kiri dan kanan).

penjanaan pendapatan yang memberi manfaat kepada komuniti tempatan dan ekonomi negara," tegas Yang Berhormat.

Turut dilancarkan pada majlis tersebut ialah Buku 'Mangroves of Brunei Darussalam Flora and Fauna' yang mempersembahkan kekayaan biodiversiti NBD, memperincikan flora dan fauna unik dalam ekosistem bakau dan hutan hujan dan menggariskan kepentingan global persekitaran yang sering dipandang rendah.

Buku tersebut membentangkan maklumat yang disatukan secara komprehensif tentang ekosistem bakau negara sebagai rujukan sedia untuk pelancong, profesional, pelajar dan individu yang berminat dengan ekosistem tanah lembap ini.

Selain itu, buku berkenaan juga menyerlahkan komposisi bunga utama ekosistem dan sekutu vegetatifnya dengan memaparkan hubungan rapat pokok bakau dalam menyediakan habitat kepada fauna penting dan hidupan akuatik.

Di samping itu, buku tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan penghayatan pembaca terhadap pemahaman mereka tentang satu lagi warisan alam Negara Brunei Darussalam.

Acara kemudiannya diteruskan dengan pembentangan utama pertama, Fostering a Green,

Connected, and Biodiverse ASEAN for a Sustainable Future oleh President of the Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), Profesor Watanabe Tetsuya.

Beliau menekankan kepentingan Kerangka Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) sebagai komponen penting bagi strategi untuk pembangunan mampan, di mana dengan memanfaatkan teknologi digital, ASEAN dapat mendorong pertumbuhan inklusif dan kelestarian. Sebagai contoh, teknologi blockchain menawarkan platform yang decentralized dan telus untuk memverifikasi kredit karbon, memastikan akauntabiliti dalam pasaran karbon.

Sejurus itu diikuti dengan pembentangan utama kedua iaitu Harnessing Tech for Brunei's Peatland Preservation yang dibentangkan secara maya oleh Honorary President of Climate Change and Sustainability Work Group Leader at ASEAN Federation of Land Surveying and Geomatics (ASEAN FLAG), Mr. Gerry Ong, bersama Head of Carbon and Biodiversity, Arkadia Technology Pte Ltd, Singapura, Dr. Deepthi Chimala.

Mereka mengongsikan penemuan dari projek kerjasama yang dilakukan dengan konsultan projek Inventori Sumber Hutan

Negara Brunei Darussalam, Lunima Sdn. Bhd.

Berdasarkan penemuan tersebut, hutan paya gambut Brunei Darussalam mempunyai biojisim atas tanah (*aboveground biomass*) yang lebih tinggi, iaitu antara 470 hingga 560 tan setiap hektar, berbeza dengan negara hutan hujan tropika lain di Asia insular yang mempunyai biojisim atas tanah (*aboveground biomass*) secara purata sebanyak 350 tan setiap hektar.

Perbezaan ini terang mereka, menunjukkan bahawa hutan paya gambut Brunei Darussalam adalah hutan yang tua dan menahan stok biojisim yang tinggi.

Antara matlamat persidangan ini diadakan adalah untuk mengukuhkan hubungan rangkaian pembuat dasar, ahli akademik, dan sektor bukan kerajaan dengan memimpin biodiversiti serantau dan menyediakan platform yang berkesan untuk berkongsi pengetahuan, penemuan penyelidikan, dan amalan terbaik secara global; dan untuk meneroka peluang pertumbuhan ekonomi hijau, termasuk ekopelancongan dan pasar karbon.

Persidangan selama tiga hari itu dihadiri oleh pakar-pakar dan akademia tempatan dan antarabangsa, pihak agensi-agensi

kerajaan, sektor swasta yang berkaitan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, para penyelidik dan penuntut, para peserta yang telah mengikuti ekspedisi saintifik sebelumnya serta para peserta persidangan yang mengikuti secara maya.

Juga hadir sama ialah ketua-ketua perwakilan asing di NBD; Setiausaha-setiausaha Tetap dari KSSUP, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dan Kementerian Pembangunan; Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei; Pemangku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pakar-pakar dan pembentang-pembentang jemputan dari dalam dan luar negara, wakil-wakil sektor swasta yang berkepentingan dan juga peserta-peserta

persidangan. Terdahulu sebelum persidangan tersebut diadakan, KSSUP melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama UBD juga telah menganjurkan acara Ekspedisi Saintifik bertemakan 'Meneroka Biodiversiti Negara Brunei Darussalam' (Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity) yang telah berjalan selama 10 hari bermula dari 30 Mei hingga 8 Jun di kawasan Hutan Simpan Batu Apoi, Temburong.

Komitited ke arah pemuliharaan biodiversiti NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Sebanyak 52 kertas kerja dibentangkan di Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam (NBD) 'Biodiversity : Nature's Blueprint for Sustainability' yang mengambil tempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Persidangan yang dibahagikan kepada dua Sesi Plenary itu mengetengahkan Sesi Plenary Pertama: Kunming Montreal Global Biodiversity Framework, dan Sesi Plenary Kedua : Research Opportunities in Brunei's Peatland.

Manakala sebanyak tujuh sesi tematik turut diadakan antaranya mengenai Ecosystem Services : The Lifeline of Biodiversity; Conservation Innovations : Restoring and Safeguarding Biodiversity; Youth Engagement in Biodiversity : Empowering the Next Generation; Blue Biodiversity : Conserving Marine Life for a Resilient Ocean; Biodiversity's Role in Building Resilience to Climate Change; Biodiversity's Contribution to Sustainable Economies, dan Scientific Expedition: Exploring

Brunei Darussalam's Biodiversity.

Pada Sesi Plenary Pertama menampilkan pembentangan dari Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab bertajuk 'Pemuliharaan dan Perlindungan Biodiversiti di Negara Brunei Darussalam - Mensejajarkan dengan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal'.

Dayang Hajah Tutiaty dalam pembentangannya mengetengahkan Komitmen NBD terhadap pemuliharaan biodiversiti terbukti melalui strategi negara yang merangkumi Wawasan 2035 dan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei (BNCCP).

Negara sejajar dengan inisiatif global seperti Konvensyen mengenai Biologi Kepelbagai (CBD) bertujuan untuk menyepakati usahanya dengan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal (KM GBF).

Strategi dan Pelan Tindakan Biodiversiti Kebangsaan yang pertama (NBSAP) jelasnya, memberi tumpuan kepada penggunaan sumber yang mampan

dan perlindungan habitat.

Pada masa ini katanya, dengan menerima pakai KM GBF, Brunei sedang mengemas kini NBSAP nya agar sejajar dengan empat rangka kerja matlamat dengan meneliti dan mempertingkatkan strategi biodiversiti sedia ada.

"Walaupun sudah selaras, terdapat tumpuan untuk menambah baik untuk mengisi sebarang jurang dalam memenuhi matlamat dan strategi yang digariskan di bawah KMGBF," ujarnya.

Negara Brunei Darussalam, terletak di Borneo, adalah kawasan panas biodiversiti global dengan kekayaan daratan dan biodiversiti marin.

Hutannya meliputi 72 peratus daripada keluasan daratan, manakala biodiversiti marin hidup subur di perairan pantai yang meliputi kira-kira 41,188 kilometer persegi.

Pinggir pantai negara membentang kira-kira 161km dan diperkaya dengan beting cetek (*shallow shoals*) dan terumbu karang, memamerkan ketinggian biodiversiti marin, terutamanya di kawasan sekitar Coral Triangle.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan pembentangan pada Sesi Plenary Pertama di Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam.

Menurut Setiausaha Tetap KSSUP, Brunei dianggarkan memiliki sekitar 15,000 spesies tumbuhan, dengan 5,600 direkodkan dalam Herbarium Kebangsaan Brunei, menunjukkan penemuan yang berterusan.

Kepelbagaiannya katanya,

termasuk 127 spesies mamalia, 506 burung spesies, 182 spesies amfibia dan reptilia, 801 spesies ikan, 410 spesies karang, 331 marin spesies moluska, dan lebih 2,244 spesies serangga.

>> Muka 17

Bersama menjaga kelestarian alam sekitar marin, promosi Ekonomi Biru

**BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2024**

SERASA, Isnin, 10 Jun. - Sambutan Hari Lautan Sedunia 2024 bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2024 (MYCE 2024) telah dilancarkan di Dewan Nur Huda, Kompleks Perikanan Muara, Jabatan Perikanan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan sambutan tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers Brunei, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah selaku wakil pengajur bersama.

Beliau ketika berucap antara lain berkata Ocean Week Brunei dihadirat dapat memberi inspirasi



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

kepada generasi akan datang melalui pendidikan, penglibatan dan pemerkasaan yang telah mengumpulkan pihak kerajaan, ahli perniagaan, organisasi berkepentingan dan institusi pendidikan di dalam sama-sama membincangkan cabaran dan penyelesaian pemeliharaan marin setempat serta seluruh dunia agar dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi biru dan kelestarian ekosistem marin negara.

Majlis kemudian diteruskan dengan tayangan video 'Brunei Reef Ball Program', pembentangan ucaptama daripada Pengasas dan Pengerusi The Reef Ball Foundation, Mr. Todd Barber; sesi pembentangan oleh James anak Bali dari Sarawak Forestry Corporation dan seterusnya diakhiri dengan sesi demonstrasi 'Reef Ball Fabrication' di kawasan Jeti Jabatan Perikanan.

Hari Lautan Sedunia 2024 yang diraikan pada setiap 8 Jun adalah merupakan inisiatif global yang dilaksanakan bagi memungkin tindakan untuk lautan dan iklim dengan tema tindakan pada tahun ini, iaitu 'Catalyzing Action for Our Ocean and Climate'.

Pada tahun ini bersempena dengan Sambutan Hari Lautan Sedunia 2024, acara Ocean Week Brunei dianjurkan adalah dengan kerjasama antara Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Poni Divers Brunei yang telah diadakan bermula pada 31 Mei lalu hingga hari ini.

Pelbagai acara menarik telah diaturkan oleh Jabatan Perikanan bersama Poni Divers Brunei, antaranya acara Ocean Sustainability Conference - Investing in Ocean Futures pada 6

Jun 2024, acara National Coastal Marvel and Shore Cleanup pada 9 Jun 2024 dan beberapa acara sampingan yang lain.

Acara Ocean Week Brunei diadakan adalah bagi menyatukan pihak kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi, dan lain-lain agensi yang berkepentingan untuk menangani isu-isu yang dihadapi dalam pemeliharaan marin di rantau ini, di samping untuk menjadi inspirasi kepada generasi akan datang mengenai kepentingan kerjasama semua lapisan masyarakat dalam sama-sama menjaga kelestarian alam sekitar marin serta mendukung usaha ekonomi biru Brunei Darussalam.

Ekonomi Biru (Blue Economy) telah dikenal pasti sebagai strategi utama untuk mengekalkan biodiversiti marin.

Nilai teras ekonomi biru terletak pada keseimbangan antara mengekalkan ekosistem marin yang sihat dan memastikan manfaat ekonomi dapat diraih daripada sumber persisiran pantai dan marin untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Dengan mempunyai alam sekitar marin dan persisiran pantai yang bersih dan sihat, boleh mewujudkan pusat pertumbuhan yang baharu berkaitan dengan aktiviti pelancongan maritim selain dapat menyumbang kepada kesan positif pertumbuhan ekonomi, alam sekitar dan sosial kepada destinasi yang dikunjungi oleh pelancong.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Luke Arnold; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres.

Turut hadir semasa majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap,



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan sambutan tersebut (atas), Manakala gambar bawah kiri, ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers Brunei, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah, sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim;

Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Matam.

Maklumat lanjut mengenai Ocean Week Brunei turut dikongsikan di laman Instagram rasmi Jabatan Perikanan di @fisheries.bn.



PENANDATANGANAN KONTRAK PROJEK HIASAN DALAMAN MASJID SSBRPAD

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Pembukaan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang pada 18 Julai 2024, satu Majlis Menandatangani Kontrak bagi Projek Hiasan Dalaman antara Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang dan Yayasan Restu Malaysia telah diadakan hari ini. Ini merupakan titik tolak dalam pelaksanaan Projek Hiasan Dalaman yang dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh tiga bulan.

Menandatangani bagi pihak masjid ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumaat yang juga selaku Pengerusi AJKT Masjid SSBRPAD dan Penasihat Lembaga Takmir Masjid, Dato Paduka Awang Haji Md. Said bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim.

Sementara itu, mewakili bagi Yayasan Restu pula ditandatangani oleh Ahli Pemegang Amanah Yayasan Restu @ Nasyrul Quran, Awang Mohd. Shafizal bin Abdul Hameed dan disaksikan oleh Ketua Jabatan Kraft Yayasan Restu, Awang Zanuar bin Ahmad.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir

Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos juga selaku Penasihat AJKT Masjid SSBRPAD.

Inisiatif bagi melaksanakan Projek Hiasan Dalaman Masjid ini telah tercetus pada tahun 2019. Projek ini tertangguh pelaksanaannya atas sebab meletusnya wabak COVID-19 dan diaktifkan semula pada tahun 2023 sebagai salah satu program Sambutan Ulang Tahun Ke-10 masjid berkenaan tahun ini.

Projek Hiasan Dalaman ini adalah suatu usaha untuk menghiasi keempat-empat dinding dalam masjid dan bahagian pintu hadapan masuk masjid dengan ayat-ayat Al-Quran, Asmaul Husna dan Kalimat Zikir.

Reka bentuk bingkai atau 'frame' yang menghiasi ayat-ayat Al-Quran, Asmaul Husna dan Kalimat Zikir adalah cantuman motif Bunga dan Buah Manggis (Garcinia Magostana), Bunga Madang (Beilchmedia Madang), Bunga Simpur (Dillenia Suffruticoso), Perhiasan pengantin lelaki iaitu Pending, perhiasan pengantin perempuan iaitu Serbang serta motif-motif yang sedia terpakai di masjid ini yang telah diadun dengan begitu rapi bagi menjelaskan reka bentuk yang tidak sahaja cantik dan menarik tetapi unik dan tersendiri menjadikannya istimewa dan unggul khusus untuk masjid



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut.

melabur dan menambah saham akhirat, orang ramai bolehlah memberikan sumbangan derma dengan menghubungi Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun (+673 8759353) atau Awang Haji Mohin bin Haji Jaafar (+673 7206167) atau menderma terus ke nombor akaun Bank Islam Brunei Darussalam iaitu 00-001-01-0180750.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid Masjid SSBRPAD, Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani pula mengongsikan bahawa beberapa program berbentuk keagamaan hingga larian dan riadah, kebersihan dan landskap telah pun dirancang bagi sempena Sambutan 10 Tahun Pembukaan Masjid ini termasuklah penerbitan buku khas dan Projek

Hiasan Dalaman Masjid.

Program keagamaan akan dimulakan dengan Majlis Tahlii bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Taddabur Al-Quran Perdana, Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Mukim bagi lelaki dan wanita serta Majlis Khatam Al-Quran.

MANFAATKAN TRANSFORMASI DIGITAL, BINA DAYA TAHAH SIBER ASEAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Isnin, 10 Jun. - Kemajuan dalam ekonomi digital telah menyaksikan pertumbuhan yang sepadan dalam jenayah siber apabila penggunaan digital mengatasi celik digital dan kesedaran siber, justeru memanfaatkan transformasi digital, membina daya tahan siber di ASEAN adalah penting.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mengetengahkan mengenai perkara itu ketika menyampaikan ucaptamanya bertajuk 'Membina ASEAN Berdaya Tahan Siber' (Building a Cyber Resilient ASEAN) pada The Tripartite Forum 2024 on Building a Vibrant Digital Economy in ASEAN : Strategies for Cyber Resilience and Shared Prosperity bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini petang tadi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan semakin kita berhubung dan bergantung kepada teknologi digital, semakin itu juga kita akan terdedah dengan ancaman landskap siber yang terus berkembang dan oleh itu, organisasi dan individu mesti terus mengukuhkan pertahanan mereka dan mengamalkan langkah keselamatan proaktif untuk mengurangkan risiko tersebut.

Ancaman siber kata Yang Berhormat, menjadi semakin kompleks dan canggih terutamanya dalam era Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dan kesan daripada serangan siber juga boleh menjadi teruk dengan berlakunya kerugian ekonomi, pelanggaran maklumat peribadi dan sensitif, gangguan perkhidmatan penting dan yang lebih mustahak ialah penurunan kepercayaan dalam sistem digital.

Oleh demikian, jelas Yang Berhormat, memandangkan dengan adanya cabaran tersebut, maka membina daya tahan siber di ASEAN bukan sekadar satu pilihan tetapi ia adalah satu keperluan untuk keselamatan dan ekonomi.

Menurut Yang Berhormat, ketahanan siber merujuk kepada keupayaan kita untuk bersedia, bertindak balas dan pulih daripada serangan siber dan ia melibatkan bukan sahaja melindungi sistem dan data tetapi juga memastikan kesinambungan operasi dan meminimumkan kerosakan sekitarannya berlaku insiden.

"Mencapai daya tahan siber

memerlukan pendekatan holistik, melibatkan kerjasama yang mendalam antara kerajaan, sektor swasta, orang awam, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan. "Setiap daripada kita mempunyai peranan untuk dimainkan dalam memastikan keselamatan dan keselamatan keseluruhan ruang digital kita," ujar Yang Berhormat.

ASEAN tambah Yang Berhormat, telah secara proaktif mengukuhkan usaha daya tahananya di rantau tersebut, dengan satu langkah penting ialah dengan terbentuknya penubuhan dan pelaksanaan Strategi Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN 2021-2025.

Yang Berhormat seterusnya berkata negara telah mencapai kemajuan yang ketara dalam penyelaras dasar, termasuk penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Keselamatan Siber ASEAN (ASEAN Cybersecurity Coordinating Committee-ASEAN Cyber - CC).

Jawatankuasa ini jelas Yang Berhormat, terdiri daripada wakil daripada badan sektor ASEAN yang berkaitan yang menyelia isu keselamatan siber dan bertujuan untuk mengukuhkan penyelaras rentas sektor dan saling menghormati domain yang berbeza bagi setiap sektor.

Di peringkat menteri pula, Yang Berhormat berkata Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang tidak rasmi mengenai Keselamatan Siber (ASEAN Ministerial Conference on Cybersecurity-AMCC) telah memainkan peranan penting.

"Sejak 2018, ia telah menghimpunkan Menteri-menteri Telekomunikasi dan / atau Keselamatan Siber ASEAN untuk mengesahkan, pada dasarnya, semua 11 norma sukarela, tidak mengikat tingkah laku negara yang bertanggungjawab dalam ruang siber yang digariskan dalam laporan Kumpulan Pakar Kerajaan PBB 2015, menjadikan ASEAN wilayah pertama yang berbuat demikian," terang Yang Berhormat.

Dalam bidang pembinaan kapasiti pula jelas Yang Berhormat lagi, Negara Anggota ASEAN telah menganjurkan pelbagai aktiviti melalui inisiatif seperti Pusat Pembinaan Kapasiti Keselamatan Siber ASEAN-Jepun (ASEAN-Japan Cybersecurity Capacity Building Centre - AJCCBC) dan Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber ASEAN-Singapura (ASEAN-Singapore Cybersecurity Centre of Excellence - ASCCE), dengan inisiatif berkenaan memudahkan

komunikasi, perkongsian maklumat, peningkatan kesedaran, dan pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik.

Negara Brunei Darussalam (NBD) kata Yang Berhormat, melalui Keselamatan Siber Brunei (Cyber Security Brunei - CSB), mengetui inisiatif Meningkatkan Kesedaran tersebut, dengan inisiatif pembinaan kapasiti tersebut dilengkapkan lagi dengan aktiviti Mesyuarat Antara Sesi Forum Serantau ASEAN mengenai Keselamatan dan dalam Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ARF ISM on ICTs Security).

Berkenaan tindak balas insiden ujar Yang Berhormat, Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ASEAN Digital Ministers Meeting - ADGMIN) pada Februari 2024 telah mengesahkan penubuhan CERT Serantau ASEAN, bertujuan untuk mengukuhkan lagi daya tahan siber serantau melalui perkongsian maklumat tepat pada masanya, pertukaran amalan terbaik dan inisiatif pembinaan kapasiti untuk meningkatkan keupayaan tindak balas insiden serantau.

Pada masa yang sama kata Yang Berhormat, ADGMIN mengalaukan pembentukan Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Anti-Penipuan Dalam Talian (Working Group on Anti-Online Scam - WG-AS), dengan menyediakan platform bagi Negara Anggota ASEAN untuk bekerjasama pembinaan kapasiti, latihan, dan perkongsian maklumat berkaitan memerangi penipuan dalam talian dan penipuan merentasi saluran digital dan telekomunikasi.

"NBD juga telah membangunkan Strategi Keselamatan Siber Kebangsaan (BNCSS) kita sendiri yang terdiri daripada lima bidang keutamaan atau objektif utama yang perlu dicapai melalui Pelan Tindakan Negara, dengan penekanan ke arah membina ruang siber yang lebih selamat, dipercayai dan berdaya tahan, memelihara kedaulatan negara, dan membolehkan perjalanan transformasi digital NBD."

"Objektif-objektif Strategik tersebut ialah memperkuuh tadbir urus dan rangka kerja organisasi dalam keselamatan siber, menjaga Infrastruktur Maklumat Kritis Negara (Critical Information Infrastructure - CII), mengekalkan ruang siber negara yang lebih selamat, meningkatkan pembinaan kapasiti dan jangkauan masyarakat, dan kerjasama dan perkongsian antarabangsa, serantau dan domestik," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, CSB ialah agensi keselamatan

siber kebangsaan NBD, bertindak sebagai pentadbir yang memantau dan menyelaras usaha negara dalam menangani ancaman keselamatan siber dan jenayah siber.

CSB kata Yang Berhormat, menyediakan tiga perkhidmatan teras utama, iaitu pertama, BruCERT : Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Brunei (Brunei Computer Emergency Response Team - BruCERT) telah ditubuhkan pada 2004 sebagai CERT negara dan kerajaan untuk menangani insiden keselamatan berkaitan komputer dan internet di NBD.

Tambah Yang Berhormat lagi, BruCERT ialah hab pusat yang menyelaras dengan CERT antarabangsa, penyedia perkhidmatan rangkaian, agensi kerajaan, dan organisasi lain yang berkaitan untuk memudahkan pengesanan, analisis dan pencegahan insiden keselamatan di internet dan sejak tahun lepas, terdapat 957 kejadian yang dilaporkan daripada orang ramai.

"Kedua ialah Pusat Pengawasan Siber (Cyber Watch Centre - CWC) : CWC menyediakan pemantauan selamat terhadap ancaman siber terhadap infrastruktur maklumat kritis CII dan berfungsi untuk menambah baik landskap keselamatan siber NBD.

"La mengesan dan menyediakan makluman mengenai serangan siber, membolehkan agensi berkaitan melakukan langkah pencegahan dan tindakan pemulihan yang sesuai tepat pada masanya sebelum ancaman meningkat.

"Sejumlah 1,023 tapak laman sesawang pancingan data telah berjaya digantung atau dialih keluar oleh pendaftar domain masing-masing yang diminta oleh CWC melalui BruCERT.

"Dan ketiga, National Digital Forensics Laboratory (NDFL) : NDFL berfungsi sebagai pusat kecemerlangan dalam memudahkan sebarang bentuk penyiasatan forensik digital dengan menyediakan agensi penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan akses eksklusif kepada teknologi forensik terkini dan sejumlah 728 media telah diproses oleh NDFL, yang terdiri daripada 257 perkhidmatan NDFL seperti forensik mudah alih, komputer dan video," ujar Yang Berhormat.

Inisiatif tersebut kata Yang Berhormat, menunjukkan faedah mempunyai agensi pusat yang mewakili NBD, memastikan kecekapan, kepantasan tindak balas dan penyelaras dalam menangani cabaran keselamatan siber.

Menurut Yang Berhormat lagi, melalui CSB dan Pihak Berkua Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), NBD secara aktif bekerjasama dengan pihak berkepentingan antarabangsa untuk meningkatkan keupayaan keselamatan sibinya.

Walaupun cabaran yang dihadapi oleh ekonomi digital ASEAN adalah sangat kompleks terang Yang Berhormat lagi, ASEAN tidak boleh melupakan kepentingan pendigitalan dan meneruskan usahanya untuk memupuk persekitaran yang kondusif untuk perdagangan digital.

"Kesimpulannya, laluan ke ASEAN yang berdaya tahan siber adalah perjalanan kolektif dan ia memerlukan komitmen yang tidak



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menyampaikan ucaptama.

berbelah bahagi serta kerjasama dan inovasi daripada semua pihak berkepentingan.

"Sambil kita terus menerima revolusi digital, marilah kita kekal berwaspada, proaktif dan bersatu dalam usaha kita untuk melindungi masa depan digital kita dan bersama-sama, kita membina ASEAN yang berdaya tahan dan selamat yang berkembang maju dalam era digital bagi memastikan kemakmuran, keselamatan dan kepercayaan untuk generasi akan datang," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucaptamanya.

Sejurus itu acara diikuti dengan Pelancaran AIPALync - Perpustakaan Undang-undang Digital (Digital Law Library).

Inisiatif tersebut, yang pada mulanya diperjuangkan oleh Dewan Negara Kembuja, direka untuk mempamerkan undang-undang yang menyokong Wawasan ASEAN, memudahkan pertukaran kemajuan perundangan, dan meningkatkan akses awam kepada dokumen undang-undang di peringkat serantau dan nasional, dengan itu mempromosikan prinsip parlimen terbuka.

Forum kemudian diteruskan dengan pembentangan mengenai Keselamatan Siber dari Ketua Pembangunan Perniagaan Asia Tenggara, Fortinet iaitu Ching Ping Wong.

Diikuti dengan Perbincangan Panel mengenai 'Landscape Siber' yang dimoderatori oleh Pengasas Bersama yang juga Pengarah Inovasi dan Perkembangan, di Syarikat Tyne Solutions, Aimi Ramlee.

Para ahli panel terdiri daripada Ahli Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Azli bin Yusof; Pakar Ekonomi dari ERIA, Dr. Keita Oikawa; Ketua Pegawai Digital dan Maklumat Brunei Shell Petroleum, Sofi Umar dan Timbalan Ketua Pegawai Maklumat BIBD, Yusof Fadli bin Haji Sidek.

Forum kemudian diteruskan dengan pembentangan 'Hacking is Easy' dari Royal Signals, British Army, Captain Oliver Hall.

Perbincangan Panel yang terakhir bagi sesi petang tadi turut membawakan tajuk 'Membina Rakan Kongsi Awam dan Swasta untuk Daya Tahan Siber' yang mengetengahkan ahli panel daripada Ahli Perwakilan Thailand, Yang Berhormat Mr. Taopiphop Limjitrakorn; Timbalan Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat, CSB, Mohamad Azad Zaki Haji Mohd. Tahir; Ching Ping Wong dan Juruter Jualan BlackBerry, Adam Sloan. Moderator bagi sesi panel tersebut ialah Ahli Majlis Ekonomi Digital yang juga Pengarah Eksekutif LVK Group of Companies, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.



ANTARA yang hadir pada The Tripartite Forum 2024 on Building a Vibrant Digital Economy in ASEAN : Strategies for Cyber Resilience and Shared Prosperity.

**KEMENTERIAN KESIHATAN****Bilangan Tawaran:** KK / 123 / 2024 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
Domestic Waste Collection And Disposal Services For Department Of Scientific Services Serasa Branch And Halal Science Metrology Centre Anggerek Desa For Period Of Five (5) Years

Kelayakan Pembekal / Pemborong :
Berdafat dengan Kementerian Kesihatan dan / atau Kementerian Pembangunan dan Syarikat-Syarikat yang mempunyai kelayakan untuk mengendalikan perkhidmatan pengutipan dan pelupusan sisa domestik.

Yuran Tawaran: BND 10.00**Bilangan Tawaran:** KK / 124 / 2024 / ESTETRIPASH

Keterangan:
Supply And Replacement Of Air Handling Unit For Renal Unit, ICU 1, ICU 3, Ward 17 And Ward 18, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Kelayakan Pembekal / Pemborong :
Berdafat dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Class : II dan ke atas**Kategori:** M01, E01 & E02**Yuran Tawaran:** BND 30.00**Bilangan Tawaran:** KK / 125 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Infection Control Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran: BND 30.00**Bilangan Tawaran:** KK / 126 / 2024 / UPP (TC)

Keterangan:
The Provision Of The Cleaning Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran: BND 500.00**Bilangan Tawaran:** KK / 127 / 2024 / UPP

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medical Item (Phacoemulsifying Cataract Handpiece Set) For Eye Centre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran: BND 30.00**Tarikh Tutup:** 25 Jun 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI****Bilangan Rujukan:** JBBSSB / SH / 2024-2025 / 28 / MTECH / 01.

Tajuk Sebut Harga:
Quotation To Supply And Delivery Of Toner / Cartridge Printer For Bandar Seri Begawan Municipal Department, Ministry Of Home Affairs.

Hari, Tarikh dan Jam Tutup: Khamis, 20 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Pentadbiran, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 4 Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN****1. Rujukan dan Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2024 /

MAB / TA / 03

Pembelian Membaikrui lesen Bagi Perisian Data Log (3 Years License renewal)

2. Rujukan dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2024 /

MAB / TA / 04

Pembelian Membaikrui lesen Bagi Perisian Fortisanbox (3 Years License renewal)

Yuran Tawaran:

BND 30.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu
Selasa, 25 Jun 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 2 Julai 2024
Jam 2.00 Petang**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI****Tajuk Tawaran:****Sebut Harga Bagi :**

1. Membekal, Memotong dan Menjahit Pakaian Seragam Bomba (RUJ: JBP / TSH / 09 / 2024-2025)
2. Membekal dan Menghantar Reflective Vest Jacket (RUJ: JBP / TSH / 10 / 2024-2025)

Tarikh Tutup / Jam:Khamis, 4 Julai 2024
(1. 50 Petang)**Yuran Tawaran:**

BND5.00

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:

V

Kategori:

M01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:

25 Jun 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup :
9 Julai 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran: JKR / DME / BOP-ACM / 09 / 2024

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pengantian Peralatan Hawa Dingin Bagi Bangunan Lapau

Yuran Tawaran: BND500.00 (Tidak dikembalikan)**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI****Sebut Harga Bagi :**

1. Mengganti dan Menjahit Reflektor Pada Fire Jacket Lengkap Dengan Seluar (RUJ : JBP / TSH / 11 / 2024 - 2025)

Tarikh Tutup/Jam:Khamis, 4 Julai 2024
(1. 50 Petang)**Yuran Tawaran:**

BND5.00

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :

II dan III sahaja

Kategori :

B01

Bilangan Tawaran: JKR / DBSBM010 / 2024**Bil. Projek**
2024DBSBM/JKR.04

Nama Projek:
Kerja-kerja Pembinaan Lantai dan Siling Di Blok C Di Jabatan Perkhidmatan Bangunan – Fasa 2

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 25 Jun 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:

(IV Sahaja)

Kategori:

[M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :

Selasa

25 Jun 2024

Tarikh Tutup:
Selasa, 2 Julai 2024
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran: JKR / DWS / 016 / 2024

Nama Projek:
Membekal Dan Mengganti Alat-Alat Ganti Pam Air Bersih Di Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 6 dan 7

Yuran Tawaran : BND100.00 (Tidak dikembalikan)



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No
BCY / CP / 65 / 2014

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Siti Hasnani @ Esna
bte Awg Hj Sa'adi
(00-302705)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut pada
17 Januari 2015 telah dibatalkan
pada **9 Mei 2024**.

Nama Penghutang :
Siti Hasnani @ Esna
bte Awg Hj Sa'adi

Alamat Penghutang :
No.11, Spg. 74-73-4,
Kampung Mata-Mata Gadong,
Bandar Seri Begawan, BE1718,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
13 Mei 2024

Syarikat (Penggulungan)
Bilangan BCY / VCWP /
1 / 2024

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi 2016

Dan

Dalam Perkara Kwansoo (B)
Sdn Bhd

Perintah Penggulungan
[Aturan 36(1) {c}]

Nama Syarikat :
Kwansoo (B) Sdn Bhd

Alamat Pejabat Berdaftar :
Lot 1737, Spg. 326-36, Kampung
Serasa Jalan Serasa, Muara,
BT1728, Brunei Darussalam

Bilangan Perkara :
Syarikat-Syarikat (Penggulungan)

Bilangan BCY / VCWP /
3 / 2021

Tarikh Mengumumkan Petisyen :
24 Januari 2024

Tarikh Perintah :
18 April 2024

Tarikh dan Tempat Perjumpaan :
4 Jun 2024 jam 9.15 pagi,

Tingkat 1 (L1-8), Pegawai Pejabat
Rasmi, Mahkamah Besar, Jalan
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,
Negara Brunei Darussalam

Notis Perjumpaan Pertama
Pemutang

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **22 Februari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah
Besar pada **4 Jun 2024,**
jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh :
8 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 337 / 2023

Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Zulfa binti Zaini
(00-300835)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **22 Februari 2024.**

Nama dan alamat
terakhir diketahui :

Zulfa binti Zaini
Barek 587/A1, Spg. 114-20,
Jln Setia Diraja, Kuala Belait,
and / or No. 24, Spg.5,
Jln Kalajau, RPN Panaga,
Seria, and / or No. 7, Jln
Singa Menteri, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
22 Januari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemutang untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **22 Februari 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah
Besar pada **20 Mei 2024,**
jam 11.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu

mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **20 Mei 2024, jam 11.00 Pagi**
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
6 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 132 / 2020

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Dk Hajah Mariani
binti Pg Haji Morni
(00-257783)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **20 April 2024.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui :

Dk Hajah Mariani
binti Pg Haji Morni
C11, Jln. 83,
Kg. Perpindahan Lambak Kanan,
BC2515,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
22 Februari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 119 / 2022

Baiduri Bank Sendirian Berhad
[Previously known as Baiduri
Bank Berhad]

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

John Lee bin Larai
(00-0268055)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **18 April 2024.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui :

John Lee bin Larai
No. 8, Spg. 265-242,
Kg. Bukit Bunga,
Jerudong, Bandar Seri Begawan,
BG3322,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
22 Februari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di **Pejabat Pegawai Penerima**
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Mei 2024



Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
III sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 005 / 2024

No. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TWM /
2106-01

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Air (Zon A)
Di Daerah Tutong bagi Tempoh
Selama 36 Bulan

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSTUT 006 / 2024

No.. Projek
2024 / 25 JKRTUT / TWM /
2106-02

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Air (Zon B)
Di Daerah Tutong bagi Tempoh
Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
25 Jun 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga

d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran. 1
Term Contract For Wildlife
Issues At Brunei International
Airport For 12 Months
AME / 2023-2024 / SH-28
(Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran. 2
Kerja-Kerja Pembasmian Serangga
Atau Binatang Perosak
Dan Lain-Lain (Pest Control)
Di Bangunan-Bangunan Jabatan
Penerangan Awam Bagi Tempoh
2 Tahun (24 Bulan)
AME / 2023-2024 / SH-29
(Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran. 3
Kerja-Kerja Pengendalian
Pembuangan dan
Pengutipan Sampah
Di Kawasan Pembuangan Sampah,
Jabatan Penerangan Awam
Bagi Tempoh 2 Tahun (24 Bulan)
AME / 2023-2024 / SH-30
(Kelas I dan II)

Tarikh Iklan/ Mengambil
Dokumen Tawaran:
12 Jun 2024, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
2 Julai 2024, Selasa

Tarikh Tutup Tawaran:
3 Julai 2024, Rabu,
Tidak lewat jam 2.00 Petang





**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

KES NO.
BCY/CP/130/2016

BAIDURI FINANCE BERHAD
[Previously filed by HSBC
Finance (B) Bhd]
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**HJH NORIDAH
BINTI HJ AWG DAMIT**
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 7hb Jun 2018 telah dibatalkan pada 18hb April 2024.

Nama Penghutang:

Hjh Noridah Binti Hj Awg Damit
Alamat Penghutang:
No. 3, Spg. 77-19-21,
Kg. Panca Delima,
Berakas BB4513,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
13 Mei 2024

KES NO.
BCY/CP/19/2024

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

AZAWAN BIN AZAMAN
BYIC No. 01-076391
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Mei 2024.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Azawan Bin Azaman
No. 14, Spg. 1020,
Kg .Sinaut,
Tutong TB1741,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
23 Mac 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmii dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:
16 Mei 2024

KES NO.
BCY/CP/666/2015

BAIDURI FINANCE BERHAD
[Previously filed by HSBC
Finance (B) Bhd]
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MOHAMMAD EDDIE
AMETULISHAM BIN METUSSIN**
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 23hb April 2016 telah dibatalkan pada 25hb Januari 2024.

Nama Penghutang:

Mohammad Eddie Ametulisham
Bin Metussin
Alamat Penghutang:
No.17, Block D6, Spg. 136,
Jln. Sungai Bakong Selatan
RPN Lumut,
Mukim Liang KC5335,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
11 Mei 2024

KES NO.
BCY/CP/302/2020

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**HAJAH DAYANG NORJANAH
BINTI HJ ABDUL GHAPAR**
(BYIC NO. 00-264055)
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 16 Januari 2021 telah dibatalkan pada 16hb Mei 2024.

Nama Penghutang:

Hajah Dayang Norjanah
Binti Hj Abdul Ghapar

Alamat Penghutang:

No. 5, Simpang 459,
Kampung Lambak Kiri, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
21 Mei 2024

**MUHAMMAD SYAFIQ BIN
AWANG HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
25 Jun 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 11 / 2024

Nama Projek :
Pemeliharaan 7 Buah
Lif 'Schindler'
Di Sekolah Arab Rimba Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV & V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
25 Jun 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 12 / 2024

Nama Projek :
Kerja-kerja Pembakaan
Peralatan Hawa Dingin
Di Bangunan Mahkamah Tinggi /
Mahkamah Syariah Daerah Tutong

YURAN TAWARAN:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
25 Jun 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 13 / 2024

Nama Projek :
Pemeliharaan Lif 'Sigma' Di
Bangunan Majistret, City Hall
dan Jabatan Keselamatan Dalam
Negeri, Bandar Seri Begawan
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III, IV & V

Kategori:
E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**

25 Jun 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 10 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi
Operasi dan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Elektrikal
Di Bangunan Kerajaan Kawasan
Lapangan Terbang Lama,
Berakas (Zon 'A'), Bagi Tempoh

Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
25 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:

BND50.00

Kelayakan:

Syarikat yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
dalam Kategori P05 dan Berdaftar
di bawah Akta Syarikat-Syarikat
– Penggal 39 dan memiliki
perakaunan penubuhan syarikat
persendirian yang sah.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK**

JABATAN TENAGA

JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk

Memberi Tawaran

Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / KOP / 014 / 2024

Tajuk :
Supply And Delivery Of
Distribution Feeder Pillar

Tempat Tutup :

"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran



ROMBONGAN NBD HADIRI GRAND HAJJ SYMPOSIUM KE-48



ROMBONGAN Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menghadiri Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 Tahun 1445 Hijrah (atas), manakala gambar kanan, Grand Hajj Symposium adalah merupakan acara tahunan yang diadakan oleh Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi pada setiap menjelang musim haji.

MEKAH, Selasa, 11 Jun. - Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Rombongan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan telah menghadiri

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



Membangun, menggunakan teknologi dengan bertanggungjawab

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Jun. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) hari ini mengadakan Simposium Tadbir Urus Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) bertempat di Dewan Kuliah, The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat adalah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir adalah beberapa Setiausaha Tetap dari beberapa kementerian serta Ketua Eksekutif, AITI.

Simposium turut disertai oleh wakil-wakil dari sektor kerajaan, swasta dan akademia.

Terdahulu itu, simposium dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Pengiran Muhamd Nur Firdaus bin Pengiran Metussin.

Majlis diikuti dengan ucapan pembukaan oleh tetamu kehormat yang antara lainnya menggariskan keperluan bagi tadbir urus sebagai garis panduan dalam penyediaan

teknologi-teknologi baharu (*emerging technologies*) seperti AI.

Ini tambahnya, adalah bagi mendukung usaha mencapai sebuah Negara Pintar yang memerlukan persekitaran yang kondusif ke arah ekosistem digital yang selamat dan terjamin.

Ke arah itu jelasnya, kolaborasi di antara pelbagai pihak adalah diseru di antara pihak kerajaan, swasta, akademia dan masyarakat bagi membentuk komitmen bersepakut untuk memanfaatkan teknologi, dan pada masa yang sama membangun dan menggunakan teknologi dengan bertanggungjawab.

Simposium mengetengahkan beberapa pembentangan daripada penyampai-penyampai antarabangsa iaitu Undral Ganbaatar dari United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO); Teo See Hian dari Infocomm Media Development Authority (IMDA) Singapore; Ajar Edi dari Microsoft; dan Adam Sloan dari BlackBerry.

Selain itu, simposium berkenaan juga mengadakan sesi perbincangan panel di antara AITI, penggiat-penggiat utama



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.

industri dan akademia mengenai pembangunan dan penggunaan AI yang bertanggungjawab.

Simposium diteruskan dengan Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI (Working Group on AI Governance and Ethics) yang dihadiri oleh wakil dari Kerajaan, sektor swasta dan akademia, dengan objektif ke arah penyediaan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika AI bagi Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan Kerja ini dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif, AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.



SIMPOSIUM Tadbir Urus Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) bertempat di Dewan Kuliah, The Core, Universiti Brunei Darussalam.

Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 Tahun 1445 Hijrah yang diadakan di Makkah Chamber of Commerce, Arab Saudi.

Grand Hajj Symposium adalah merupakan acara tahunan yang diadakan oleh Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi pada setiap menjelang musim haji.

Tema Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 Tahun 1445H ini memfokuskan terhadap penekanan untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan manasik haji khususnya tidak dibenarkan melaksanakan ibadat haji tanpa kebenaran yang sah (*tasrih*) sehingga ia dikira berdosa kerana melanggar hukum syariat yang ditetapkan oleh pemerintah-pemerintah dan para ulama Kerajaan Arab Saudi.

Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 ini telah dihadiri oleh 500 peserta termasuk para ulama dan cendekiawan Islam dari seluruh dunia dengan tujuan untuk

menyatukan dan meningkatkan kefahaman jemaah haji mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan perlaksanaan ibadat haji sehingga jemaah haji dapat melaksanakan ibadat haji dengan mudah, lancar dan sempurna.

Turut serta menghadiri Grand Hajj Symposium berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Pemangku Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani; Pengarah Urusan Haji selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Pentadbiran), Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad dan Pakar Bersekutu, Dr. Haji Muhammad Athaaillah bin Haji Abdullah juga selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan).

Komitded ke arah pemuliharaan biodiversiti NBD

>> Muka 11

Hutan Brunei, walaupun keluasannya kecil, menjadi tuan rumah tujuh jenis hutan utama, dengan hutan Dipterokarp Campuran meliputi 33 peratus, dan paya gambut hutan, kedua paling luas pada 16 peratus.

Hutan Kerangas pula meliputi kurang daripada 1 peratus, manakala hutan bakau meliputi 3 peratus dan memainkan peranan penting dalam perlindungan pantai dan fauna marin pembiakan.

Brunei kini tambahnya, merekodkan 4,279 spesies tumbuhan berbunga, dengan 65 spesies endemik dilaporkan, khususnya tertumpu di kawasan Kuala Belalong.

Penyelidikan berterusan diteruskan mendedahkan spesies baharu, seperti siput separa (*semi-slug*) dan siput darat yang ditemui di Belalong.

Strategi pengurusan yang berkesan adalah penting untuk memulihara kekayaan biodiversiti NBD.

Turut dikongsikan semasa pembentangan tersebut, Rangka kerja undang-undang, termasuk Akta Hutan dan Akta Perlindungan Hidupan Liar, memastikan perlindungan, dilengkapi dengan perjanjian antarabangsa seperti CITES.

Selain itu, tiga kementerian menyelia perlindungan biodiversiti, dengan Jabatan Perhutanan memainkan peranan penting.

Menurut Dayang Hajah Tutiati lagi, hutan pengurusan menekankan amalan lestari, usaha pemuliharaan, dan hutan yang diwartakan rizab meliputi 41 peratus daripada keluasan tanah.


Strategi pemuliharaan hutan termasuk mengawal selia tahunan pengeluaran pembalakan, tiada pembalakan di hutan paya gambut, amalan silvikultur intensif di hutan yang di balak dan inisiatif penanaman pokok.

Penubuhan Pusat Penyelidikan Botani Universiti Brunei Darussalam menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti melalui penyelidikan dan pendidikan.

Sementara, pengurusan biodiversiti marin, diketuai oleh Jabatan Perikanan, termasuk mewujudkan Kawasan Perlindungan Marin dan melaksanakan pemuliharaan terumbu karang program.

Kesimpulannya, melangkah ke hadapan, Brunei merancang untuk menyemak semula Strategi Biodiversiti Kebangsaan dan Pelan Tindakan dengan 'Pendekatan Seluruh Negara', menggabungkan penyelidikan berdasarkan bukti dan penglibatan pihak berkepentingan untuk menangani cabaran yang muncul dan mengukuhkan institusi pengaturan untuk pengurusan dan perlindungan biodiversiti.

Menyembelih Seekor Kambing Dengan Niat Korban Dan Aqiqah



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

HUKUM-hukum yang berkaitan dengan korban dan aqiqah mempunyai banyak persamaan dan berbeza dalam beberapa perkara. Antara persamaannya adalah dari sudut hukum melaksanakannya, binatang yang boleh dijadikan korban dan aqiqah, pembahagian daging, penerima daging, memindahkan daging ke luar negeri, melaksanakannya di luar negeri dan berkongsi binatang dengan niat yang berbeza.

Manakala perbezaan antara korban dengan aqiqah pula adalah seperti berbezanya sifat daging yang disedekahkan, pemilikan daging dan tidak terkecuali waktu penyembelihan binatang kerana hari untuk melaksanakan korban hanya terhad pada Hari Raya Korban, iaitu 10 Zulhijjah dan hari-hari Tasyriq, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah sedangkan aqiqah tidak terikat dengan hari-hari tertentu dan harus dilakukan pada bila-bila masa, akan tetapi disunatkan untuk melaksanakannya pada hari ketujuh dari hari kelahiran anak. Jika tidak disembelih aqiqah untuk anak pada hari ketujuh dari hari kelahirannya, maka disembelih pada hari keempat belas. Jika tidak demikian, maka pada hari kedua puluh satu. Begitulah seterusnya, iaitu dilaksanakan pada kiraan setiap tujuh hari berikutnya.

Persoalannya, sekiranya hari untuk melaksanakan aqiqah itu bertepatan dengan Hari Raya Korban, maka apakah boleh menyembelih seekor kambing dengan menyatakan niat korban dan aqiqah? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Menyatakan Niat Korban Dan Aqiqah

Seseorang yang berniat untuk melaksanakan korban dengan seekor kambing tidak harus menyatakan niatnya dengan aqiqah. Begitu juga, tidak harus bagi seseorang yang berniat untuk melaksanakan aqiqah dengan seekor kambing menyatakan niatnya dengan korban. Sekiranya seseorang itu menyembelih seekor kambing dengan niat korban dan aqiqah, maka tidak berhasil satupun daripada kedua-duanya. Hal ini berdasarkan pendapat *al-ashhab* (para ulama asy-Syafi'iyyah yang terdahulu yang terkemuka) dan pendapat Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* sebagaimana yang disebut oleh beliau dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*:

Ertinya: *Dan zahir perkataan matan dan al-ashhab (para ulama asy-Syafi'iyyah yang terdahulu yang terkemuka) bahawa sesungguhnya jika (seseorang itu) berniat korban dan aqiqah dengan (menyembelih) seekor kambing, (maka) tidak berhasil satupun daripada kedua-duanya.*

Dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah* disebut bahawa Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* pernah ditanya mengenai penyembelihan seekor kambing pada hari-hari korban (Hari Raya Korban dan hari-hari Tasyriq) dengan niat korban dan aqiqah, adakah berhasil kedua-duanya atau tidak. Beliau menjawab bahawa tidak ada bermasuk-masukan niat dalam perkara tersebut sebagaimana pendapat *al-ashhab* (para ulama asy-Syafi'iyyah yang terdahulu yang terkemuka).

Menurut para ulama, sebab-sebab tidak harus menyatakan niat korban dengan aqiqah antaranya ialah:

1. Korban dan aqiqah itu masing-masing merupakan ibadah sunat مقصودة لذاتها, iaitu ibadah yang dimaksudkan oleh syara' untuk dikerjakan secara khusus. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* berkata:

Ertinya: *Kerana setiap daripada kedua-duanya (korban dan aqiqah) adalah (ibadah) sunat maqshudah.*

Begitu juga dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*, beliau berkata:

Ertinya: *Tidak ada bermasuk-masukan dalam (perkara) itu (niat korban dan aqiqah dengan seekor kambing) kerana setiap daripada korban dan aqiqah (merupakan ibadah) sunat maqshudah lidzatiha.*

Oleh kerana korban dan aqiqah itu masing-masing dikategorikan sebagai ibadah sunat مقصودة لذاتها, maka penggabungan kedua-dua ibadah korban dan aqiqah itu tidak boleh diqiyaskan dengan keharusan penggabungan sembahyang sunat *Tahiyyatul Masjid* dengan sembahyang yang lain, atau dengan penggabungan puasa hari Isnin dengan puasa yang lain, kerana sembahyang sunat *Tahiyyatul Masjid* dan juga puasa hari Isnin itu bukan ibadah sunat مقصودة لذاتها. Oleh sebab itu, harus menggabungkan sembahyang sunat *Tahiyyatul Masjid* dengan sembahyang yang lain dan menggabungkan puasa hari Isnin dengan puasa yang lain. Berlainan dengan korban dan aqiqah, kerana korban itu tidak berhasil dengan melaksanakan yang lain daripada korban. Aqiqah juga tidak berhasil dengan melaksanakan yang lain daripada aqiqah. Maka tidak harus menggabungkan ibadah korban dengan aqiqah.

Perkara di atas dapat difahami daripada penjelasan Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*:

Ertinya: *Dan adapun (sembahyang sunat) *Tahiyyatul Masjid* dan seumpamanya, maka ia bukan (ibadah) maqshudah lidzatiha, bahkan (tujuannya) untuk tidak mencemarkan kemuliaan masjid dan yang demikian itu berhasil dengan (mendirikan) sembahyang selainnya (sembahyang sunat *Tahiyyatul Masjid*). Begitu juga puasa seperti (puasa hari) Isnin, kerana tujuan daripadanya (puasa hari Isnin) itu ialah menghidupkan hari tersebut dengan ibadah puasa yang tertentu dan yang demikian itu berhasil dengan (melakukan) mana-mana puasa padanya (hari Isnin). Manakala korban dan aqiqah, maka kedua-duanya tidak seperti yang demikian sebagaimana yang nyata daripada apa (yang) telah aku perakuan dan ia adalah jelas.*

2. Korban dan aqiqah itu mempunyai sebab dan tujuan pelaksanaan yang berbeza antara satu dengan yang lain serta terdapat perbezaan antara kedua-

duanya dalam beberapa masalah.

Dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ada menjelaskan bahawa korban dan aqiqah itu mempunyai sebab dan juga tujuan yang berbeza antara satu dengan yang lain kerana korban itu penebusan untuk diri orang yang berkorban sedangkan aqiqah itu penebusan untuk anak kerana dengan melaksanakan aqiqah, anak tersebut membesar dan menjadi soleh serta diharapkan kebaikan dan syafa'at anak tersebut kepada kedua ibubapanya pada hari Kiamat kelak.

3. Jika dikatakan korban dan aqiqah itu kedua-duanya terhasil dengan menyembelih seekor kambing, bererti korban dan aqiqah itu masing-masing terhasil dengan kurang daripada seekor kambing, sedangkan menurut ketetapan syara', korban dan aqiqah itu masing-masing tidak berhasil melainkan dengan sekurang-kurangnya seekor kambing atau seumpamanya.

Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam hasyiah kitab *Tuhfah al-Muhtaj* dan Imam al-Kurdi *Rahimahullah* dalam kitab *al-Mawahib al-Madaniyyah* berkata bahawa korban dan aqiqah itu tidak berhasil dengan kurang daripada seekor kambing dan jika berhasil kedua-duanya dengan seekor kambing, bererti berhasil setiap daripada kedua-duanya dengan kurang daripada seekor kambing.

4. Dalam kitab *al-Majmu'* dan *al-l'ab Syarh al-'Ubab* ada juga dijelaskan bahawa jika dilahirkan dua orang anak daripada perut yang sama lalu disembelih seekor kambing untuk kedua-duanya, maka tidak berhasil korban dan aqiqah yang digabung kerana jika terhalang berhasilnya sesuatu sedangkan jenisnya sama, iaitu aqiqah seekor kambing untuk dua orang anak sekalipun daripada perut yang sama, maka lebih utama terhalang berhasilnya sesuatu sedangkan jenisnya berbeza, iaitu menyembelih seekor kambing dengan niat korban dan aqiqah.

Demikian penjelasan mengenai menyembelih seekor kambing dengan niat korban dan aqiqah.

hak-hak penerima daging korban dipenuhi sebaiknya iaitu dengan mengagihkan kepada yang berhak. Saat inilah, kita berkongsi rezeki dan nikmat yang diperolehi kerana mungkin ada dari kalangan saudara seagama kita jarang atau bahkan tidak mampu untuk membeli daging.

Sebagai orang yang diamanahkan menguruskan ibadat korban, uruslah dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan ikhlas. Usah mengambil kesempatan dengan mengambil daging atau bahagian tertentu daripada binatang sembelihan tersebut dengan sewenangnya tanpa memohon izin empunya binatang korban. Jangan jadikan ibadah korban sebagai peluang kita mengambil hak orang lain tanpa kebenaran. Mengurus korban juga perlu disampingi dengan adab dan niat yang baik untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kawasan persekitaran penyembelihan dan pengagihan hendaklah dijaga dan dibersihkan sebelum dan selepas acara bagi mencerminkan budaya hidup Muslim yang sebenar.

Sehubungan itu, hidupkanlah syiar ibadah korban yang pernah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim 'alaihissalam sebagai suatu sunnah yang utama. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kauthar, ayat 2, mafhumnya :

"Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya)".

Menghayati falsafah korban

pengorbanan bertujuan melatih umat Islam supaya membiasakan diri berkorban sesuatu yang dimiliki agar lebih bersyukur dan suka berkongsi rezeki dengan orang lain.

Sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sangat wajar kita menyantuni sunnah dalam ibadah korban yang bukan hanya sekadar sembelihan biasa malah mempunyai hikmahnya tersendiri. Sunnah dalam ibadah korban ini sangat penting untuk diamalkan bagi menjamin kesempurnaan dan keberkatan ibadah korban.

Kitajuga sewajarnya menghayati falsafah yang berkait dengan pelaksanaan ibadah korban : Pertama, menanamkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala kurniaan yang telah diberikan-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala juga menjamin

akan menambahkan rezeki bagi sesiapa yang mensyukuri nikmat-Nya. Kedua : Menyemai semangat untuk berkorban harta, masa, dan tenaga demi kemaslahatan ummah dan mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Ketiga : Meningkatkan kedulian sosial terhadap sesama umat Islam. Rezeki yang ada dikongsi bersama lebih-lebih kepada mereka yang berhak menerimanya. Keempat : Mengajar supaya berlaku ihsan walaupun terhadap haiwan. Tatacara dan sunnah dalam sembelihan menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan ihsan dan kebaikan walaupun terhadap haiwan. Kelima : Melatih diri bersikap ikhlas dan berintegriti dalam melakukan sesuatu urusan.

Dalam pengurusan pengendalian dan pengagihan daging korban pula, pastikan

"JANGAN jadikan ibadah korban sebagai peluang kita mengambil hak orang lain tanpa kebenaran. Mengurus korban juga perlu disampingi dengan adab dan niat yang baik untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala".

MENGINTERPRETASI NILAI SEJARAH DALAM PENGISIAN PIDATO

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Jun. - Bengkel Pidato Sejarah diharap dapat membantu para peserta pidato untuk meningkatkan lagi mutu persembahan masing-masing setelah mendapatkan garis pandu, idea-idea bernes dan sekali gus dapat mengaplikasikan teknik penyampaian pidato dengan lebih berkesan, bagi menghasilkan sebuah penyampaian pidato yang mantap dan jitu.

Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyatakan demikian semasa majlis pembukaan bengkel berkenaan



yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam di PSB, hari ini.

Menurut Dr. Haji Muhammad Hadi lagi, bengkel tersebut sebagai persediaan para peserta pertandingan yang bertujuan memberi peluang kepada para peserta untuk mendalami dan menghalusi ilmu penyampaian dan penghayatan pidato dengan teknik dan kaedah yang mampu memberi impak yang lebih berkesan kepada para audiens.

"InsyaAllah, bengkel ini akan dibimbing oleh empat fasilitator yang memiliki kepakaran khusus terutama dalam bidang pengkajian sejarah, penulisan, bahasa dan seni drama pentas.

"Melalui perkongsian ilmu dalam bengkel itu nanti maka para peserta akan mampu menginterpretasikan nilai sejarah itu ke dalam pengisian pidato agar isi yang hendak disampaikan dapat dihayati sepenuhnya oleh para audiens dan peminat sejarah amnya," jelasnya.

Tambahnya, melalui bimbingan para fasilitator bengkel yang akan berlangsung selama dua hari ini diharap para peserta dapat

DR. HAJI MOHD. ROZAN BIN DATO PADUKA HAJI MOHD. YUNOS, salah seorang fasilitator bengkel.

menjadikannya sebagai satu medan yang cukup berharga dan penting untuk diraih bagi mempertingkat dan mempertajamkan lagi ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang berpidato.

Bengkel dua hari iaitu pada 10 dan 11 Jun itu dihadiri oleh seramai 49 peserta yang terdiri daripada golongan belia berumur 18 hingga 35 tahun dan para pelajar Tahun 9, Tahun 10 dan Tahun 11 di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta di negara ini.

Sepanjang dua hari bengkel ini diadakan, empat fasilitator akan mengongsikan tajuk fokus masing-masing iaitu 'Isi dan Analisis Pidato : Sumber dan Bahan Kandungan' oleh Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; 'Suara, Kepetahanan dan Kefasihan' oleh Dr. Siti Badriyah binti Haji Mohd. Yussof; 'Isi dan Analisis Pidato : Struktur dan Pengisian Teks' oleh Haji Rosli bin Haji Ampal dan 'Gaya Persembahan, Kreativiti dan Teknik Berpidato' oleh Mohammed Zefri Ariff bin Mohammed Zain Ariff.

Melalui bengkel itu, para peserta akan didedahkan mengenai kaedah dan teknik berpidato yang berkesan dan menepati kriteria pertandingan dalam menyampaikan dan membarigakan sejarah Brunei.

Parapeserta akan dibimbing untuk membuat tafsiran dan penilaian semula secara kritis terhadap

PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa berucap.

suatu peristiwa bersejarah negara dengan menggunakan kaedah penyelidikan dan kajian sejarah yang tepat. Kesedaran mengenai kepentingan persejarahan negara akan mengukuhkan perasaan taat setia dan cintakan raja, agama, bangsa dan negara.

Di samping memperkenalkan bidang sejarah sebagai bidang yang menarik untuk dipelajari, dikaji dan difahami, dalam bengkel ini juga, bakat dan kreativiti para peserta akan dipupuk,



diasah dan dikembangkan dalam menyampaikan hasil kajian sejarah secara berpidato.



ANTARA pelajar yang menyertai Bengkel Pidato Sejarah.

MINDA PEMBACA

Ubah mentaliti terokai bidang baharu

DALAM era globalisasi yang pesat ini, dunia sedang mengalami perubahan yang pantas dalam pelbagai bidang. Teknologi, ekonomi, dan sosial semuanya berkembang dengan pesat, dan ini menuntut kita untuk mengubah mentaliti dan berani menerokai bidang-bidang baharu. Mengubah mentaliti adalah langkah pertama yang penting untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini dan memastikan kita tidak ketinggalan.

Salah satu aspek utama dalam mengubah mentaliti adalah keterbukaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Pendidikan formal bukan lagi satu-satunya cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Kursus dalam talian, bengkel dan seminar kini boleh diakses dengan mudah, menawarkan peluang untuk mempelajari kemahiran baharu. Dengan membuka minda kepada kaedah pembelajaran yang pelbagai ini, kita dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran masa depan.

Selain itu, keberanian untuk mencuba dan gagal adalah penting dalam menerokai bidang baharu. Ketakutan terhadap kegagalan sering menjadi penghalang utama kepada inovasi dan kreativiti. Dengan mentaliti yang lebih terbuka terhadap risiko, kita boleh menjadikan kegagalan sebagai pengalaman pembelajaran yang berharga. Banyak usahawan yang berjaya hari ini adalah mereka yang tidak takut untuk mencuba sesuatu yang baharu dan belajar daripada kesilapan mereka.

Mengubah mentaliti juga bermaksud berani keluar dari zon selesa. Zon selesa mungkin memberikan rasa selamat dan stabil tetapi ia juga boleh menjadi perangkap yang menghalang perkembangan diri. Dengan mencabar diri untuk keluar dari zon selesa, kita boleh menemui potensi diri yang lebih besar dan menjana idea-idea yang inovatif. Sebagai contoh, seorang pekerja dalam sektor perkhidmatan mungkin

mendapati bahawa mereka mempunyai bakat dalam bidang teknologi maklumat setelah mengambil kursus dalam pengaturcaraan.

Dalam konteks ini, sokongan daripada masyarakat dan institusi adalah sangat penting. Kerajaan dan institusi pendidikan perlu memainkan peranan aktif dalam mempromosikan budaya inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat. Program insentif dan sokongan kewangan untuk kursus-kursus kemahiran baharu boleh membantu individu untuk menerokai bidang yang berbeza tanpa perlu bimbang tentang kos yang tinggi. Selain itu, platform seperti inkubator perniagaan dan makmal inovasi boleh menyediakan ruang untuk mencuba idea-idea baharu dengan sokongan pakar dan sumber yang diperlukan.

Di samping itu, penting juga untuk membina jaringan yang kuat dengan individu-individu yang mempunyai minat yang sama. Komuniti dan rangkaian profesional boleh menjadi

sumber inspirasi dan motivasi. Melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan, kita dapat memperkayakan diri dengan perspektif yang berbeza dan memperoleh sokongan moral untuk terus meneroka bidang baharu.

Secara keseluruhannya, mengubah mentaliti untuk menerokai bidang baharu adalah langkah kritikal dalam memastikan kita relevan dalam dunia yang sentiasa berubah. Dengan bersikap terbuka terhadap pembelajaran sepanjang hayat, berani menghadapi kegagalan, keluar dari zon selesa, dan mendapatkan sokongan daripada masyarakat serta membina jaringan yang kuat, kita dapat menghadapi cabaran masa depan dengan lebih yakin dan berjaya. Hanya dengan itu, kita dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi yang ada dalam diri kita dan menyumbang kepada kemajuan masyarakat secara keseluruhan.

Nama: Muhammad Nor Iman bin Haji Norman
No. K/P: 01-132XXX



**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. 'Jujur, Amanah Dalam Berniaga'. Tarikh Tutup : 12 Jun 2024
2. 'Hentikan Generasi Pembuli'. Tarikh Tutup : 19 Jun 2024
3. 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2024

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

OPERASI SIAGA KESAN 3 KESALAHAN DILAKUKAN OLEH MAJIKAN



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 119 / 2024.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 119 / 2024 pada 4 Jun 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di kawasan bangunan komersial Kampung Kiarong bagi kegiatan pemasangan saluran pengudaraan mendapati tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu Bab 112 mengajai pekerja asing tanpa kebenaran bertulis dari Pesuruhjaya Buruh, menggaji pekerja jaminan syarikat lain dan Bab 70 majikan tidak memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan.

Seterusnya kesalahan bagi majikan yang meminjamkan pekerja adalah di bawah Bab 112(2) melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing iaitu pekerja dalam jaminan tidak bekerja di syarikat sendiri.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan mematuhi undang-undang Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

2 pekerja lari daripada majikan



WARGANEGARA Bangladesh, iaitu Md Ached Ahmed dan warganegara Indonesia, iaitu Cep Idrus Pirdaus lari daripada majikan (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan dua pekerja warganegara asing yang dipercayai lari daripada majikan.

Pekerja-pekerja tersebut ialah warganegara Bangladesh, iaitu Md Ached Ahmed, lelaki, 20

tahun, dengan nombor pasport B00849766; dan warganegara Indonesia, iaitu Cep Idrus Pirdaus, lelaki, 30 tahun, dengan nombor pasport E5250061.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.

Kenali Bahasa Brunei

Maundan bermaksud

1 membawa ke sana ke mari.

Contoh pemakaian kata : ka mana saja ia bajalan, maundan anaknya.

2 mengheret.

Contoh pemakaian kata : ia maundan bik barat atau ka matukanya.

Unggat-unggat bermaksud bergerak-gerak turun naik tentang sesuatu.

Contoh pemakaian kata : inda baik jaraya atu, unggat-unggat karita ulihnya.

Baungkayah bermaksud berusaha untuk melaksanakan sesuatu.

Contoh pemakaian kata : bapa baungkayah manyiapkan pantaran atau sebalum ari raya.

Unjar bermaksud usaha untuk mendapatkan, menemukan, atau memperoleh sesuatu.

Contoh pemakaian kata : jangan bakusut, unjar daulu barang atu, ada tu ganya salah taruh.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Norliah Md. Zain

Sayur Bayam Masak Tumis RPN Kampung Mentiri Kawasan B

BAHAN-BAHAN :

Satu ikat sayur bayam (dipotong-potong dan dicuci)
Sesudu lada kisar
Bawang merah (dikisar)
Bawang putih (dikisar)
Bawang besar (dikisar)
Sedikit udang kering

Sedikit belacan

Garam

Ajinomoto

Sedikit minyak untuk menumis

CARA MEMASAK :

Tumis lada kisar hingga pecah minyak lalu masukkan

bahan kisar. Masukkan udang kering dan belacan tumis hingga naik bau. Masukkan sayur dan gaul hingga agak layu. Perasakan dengan garam dan ajinomoto. Tutup api apabila sudah mendidih.



Derma darah mampu menyelamatkan nyawa

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

MENDERMA darah merupakan perbuatan seseorang yang menyumbangkan darahnya secara sukarela untuk membantu orang lain yang memerlukan. Lazimnya darah yang disumbangkan itu akan digunakan untuk transfusi darah kepada pesakit yang memerlukan seperti yang mengalami kemalangan, yang menjalani pembedahan dan sebagainya.

Antara pesakit yang sering kali memerlukan pemindahan darah dengan segera adalah seperti pesakit kecemasan, pesakit yang mengalami pendarahan semasa menjalani pembedahan, ibu-ibu yang mengalami pendarahan teruk semasa kehamilan atau semasa melahirkan anak. Manakala pesakit seperti kanak-kanak yang mengalami anemia (kurang darah) disebabkan penyakit darah dan tulang sumsum (*blood and bone marrow disorders*) seperti Thalassaemia dan Leukaemia memerlukan pemindahan darah secara berterusan. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), pesakit-pesakit sedemikian memerlukan pemindahan darah dan produk darah sama ada dengan segera atau secara berjadual.

Oleh itu para penderma darah wajar dihargai kerana sumbangan kecilnya itu dapat menyelamatkan nyawa, membantu orang lain malah ia memberikan harapan

dan semangat baru kepada si penerima di samping turut memberi makna yang besar kepada kehidupan orang sekelilingnya.

Setentunya perbuatan menderma darah itu dapat meningkatkan rasa empati dan pemudahan seseorang terhadap orang lain.

Pada tahun 2024 ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih tema '20 Years of Celebrating Giving : Thank You Blood Donors!'

Bersempena dengan Ulang Tahun Ke-20 Hari Penderma Darah Sedunia ini, ia adalah peluang sangat baik dan tepat pada masanya untuk mengucapkan terima kasih kepada penderma darah di seluruh dunia atas sumbangan khidmat bakti mereka dalam menyelamatkan nyawa pesakit.

Antara objektif yang telah digariskan oleh WHO sempena dengan Hari Penderma Darah Sedunia ialah sebagai mengucapkan tanda terima kasih dan mengiktiraf berjuta-juta penderma darah sukarela yang telah menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan berjuta-juta orang di seluruh dunia.

Selain itu ia adalah bagi menggalakkan budaya pendermaan darah secara berkala dalam kalangan golongan muda dan orang awam serta meningkatkan kepelbagai dan kelestarian kumpulan penderma darah.

Menderma darah juga memiliki manfaat kesihatan bagi penderma. Ketika menderma darah, tubuh akan memproduksi sel darah baharu untuk menggantikan sel yang hilang.

Ini dapat membantu meningkatkan kesihatan penderma secara keseluruhan. Selain itu, menderma darah juga dapat membantu mengurangi risiko penyakit jantung dan strok dengan mengurangi jumlah zat besi dalam darah.

Aktiviti berterusan

Kita bersyukur kerana aktiviti-aktiviti dan kempen pendermaan darah masih menjadi amalan yang berterusan di NBD. Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menyelaraskan kempen-kempen bergerak pendermaan darah di kesemua daerah.

Bersempena dengan Hari Penderma Darah Sedunia, tempahan slot telah pun dibukakan melalui aplikasi Bloodkad kepada orang ramai untuk menderma darah pada 13 dan 15 Jun 2024 yang akan berlangsung di Dewan Al-Afiah, Jalan Menteri Besar pada jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

Aplikasi Bloodkad yang telah banyak membantu menyelaraskan proses pendermaan darah dari segi pendaftaran penderma darah, pengisian borang pemeriksaan kesihatan dan tempahan slot

menderma. Penggunaan aplikasi ini adalah mempertingkatkan penggunaan infoteknologi terkini selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi membantu melincinkan proses pendermaan dan mengurangkan masa menunggu.


Melalui aplikasi Bloodkad juga, orang ramai boleh mengetahui tempat-tempat yang bakal berlangsungnya aktiviti menderma darah. Malah turut dikongsikan status stok darah di hospital-hospital di negara ini.

Para penderma darah sukarela adalah digalakkan untuk menginspirasi orang lain untuk sama-sama menderma darah. Ajaklah kawan dan ahli keluarga untuk sama-sama menjadi penderma darah rutin. Malah amalan kebaikan seperti ini boleh dilakukan dengan mengongsikan aktiviti yang *biskita* serta ke dalam laman sosial masing-masing sehingga dapat meningkatkan kesedaran orang lain.

Dengan menderma darah juga, *biskita* juga boleh mendapat tahu tentang status kesihatan masing-masing melalui pemeriksaan kesihatan yang dilakukan sebelum pengambilan darah dilakukan. Bagi mereka yang belum tahu akan kumpulan darah pula, inilah masanya untuk mengetahui kumpulan darah masing-masing.

Pendermaan darah yang berterusan bagi menjamin bekalan darah dan produk-produk darah yang mencukupi, selamat dan berkualiti bagi kegunaan pesakit-pesakit yang memerlukan. Jangan takut untuk menderma darah kerana ia boleh menyelamatkan nyawa orang lain.





Berganding bahu memperjuangkan kesihatan laut

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama Poni Divers
Terjemahan : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan
Foto : Ihsan Poni Divers

PADA Hari Lautan Sedunia, Negara Brunei Darussalam (NBD) berganding bahu dengan negara-negara di seluruh dunia dalam meraikan dan memperjuangkan kesihatan laut. Daripada pembersihan pantai di Australia dan projek pemuliharaan terumbu karang di Indonesia kepada kempen pendidikan di Amerika Syarikat dan perluasan kawasan perlindungan marin di Mediterranean, negara-negara di seluruh dunia mengambil tindakan yang bermakna untuk melindungi dan memelihara lautan kita. Usaha global ini menyerlahkan tanggungjawab kolektif dan komitmen bersama untuk mengekalkan ekosistem penting dalam lautan kita.

Memandangkan Hari Lautan Sedunia disambut secara global pada 8 Jun, NBD menandakan kejayaan beberapa hari terakhir Minggu Lautan Brunei 2024. Acara yang berlangsung 10 hari ini dipenuhi dengan perbincangan yang memberi inspirasi, inisiatif inovatif, langkah yang boleh diambil tindakan dan penglibatan masyarakat, menetapkan pencapaian baharu dalam komitmen negara terhadap kelestarian dan pemuliharaan lautan. Justeru itu, Minggu Lautan Brunei bertujuan untuk menjadi pemangkin untuk tindakan platform untuk kerjasama dan mercu harapan untuk masa depan lautan kita, di mana penceramah dan peserta secara kolektif menyelidiki tajuk kritikal, daripada pemuliharaan marin dan perikanan mampan kepada kesan perubahan iklim dan teknologi inovatif.

Pencapaian

Pada minggu ini, beberapa pencapaian penting telah diraikan seperti The 100th Reef Ball yang digunakan semasa pelancaran Minggu Lautan Brunei dan penanaman terumbu karang terbesar dalam satu hari

dengan 210 karang ditanam dalam sehari. Program baharu yang dilancarkan dan dicadangkan termasuk Program Duta Brunei LAUT, Projek Reef Ball Wall Brunei dan ARC Lautan Brunei (Pusat Penyelidikan Lautan dan Akuatik Brunei).

Meningkatkan habitat marin dan menyokong kepelbagaiannya biologi, penempatan bebola terumbu atau reef ball tambahan di kawasan kritis, menunjukkan kesan ekologi yang positif.

Perbincangan mengenai projek kerjasama penyelidikan antara institusi pendidikan turut diadakan bagi mengukuhkan perkongsian antara institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa untuk memajukan pemahaman kita tentang ekosistem marin dan membangunkan strategi pemuliharaan yang inovatif.

Pada bulan Jun, acara pemuliharaan marin lain di NBD juga termasuk pelancaran kertas dasar 'Trapped in the Nets : Illegal, Unreported and Unregulated Fishing in Borneo Island' oleh Global Awareness & Impact Alliance (GAIA) di Hotel Radisson pada 3 Jun 2024. Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), juga mendapat penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada delegasi dari Pusat Kemajuan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) untuk menjalankan tinjauan sumber marin dan oseanografi yang komprehensif di perairan Brunei menggunakan M.V. SEAFDEC 2.

Tinjauan tersebut menyasarkan perikanan demersal dan pelagis melalui teknik pukat dasar, pukat tengah laut dan garisan panjang pelagis. Selain itu, peralatan oseanografi telah digunakan untuk mengumpul sampel air, larva ikan dan plankton dari kawasan atas dan luar rak menggunakan alatan seperti pengesan kekonduksian, suhu dan kedalaman (CTD), jaring Neuston, Bongo dan Fitoplankton.

Tujuan misi ini adalah untuk meningkatkan penyelidikan, kerjasama teknikal dan pengurusan perikanan dan alam sekitar yang berkesan dalam rantau ASEAN.

Minggu Lautan Brunei

Minggu Lautan Brunei ialah acara tahunan yang didedikasikan untuk mempromosikan kelestarian dan pemuliharaan lautan melalui pendidikan, penglibatan dan tindakan. Ia dianjurkan oleh Poni Divers, Yayasan Poni dengan kerjasama Jabatan Perikanan, KSSUP, acara sebagai sebahagian daripada Persidangan Pertengahan Tahun 2024.

Acara ini turut ditaja oleh Bank Baiduri, Suruhanjaya Tinggi Australia, BIBD, Brunei Gas Carriers, Progresif, Tyne Solutions, Brunei Shell Petroleum, Armada Properties, BLNG dan Anson International. Rakan media termasuk Borneo Bulletin, Media Permata, Kristal Media, RTB, dan Biz Brunei. Rakan kongsi pendidikan termasuk Kolej Laksamana dan Dive Association Partner, RAID International.

Minggu Lautan Brunei 2024 menampilkan satu siri acara yang memberi impak yang direka untuk meningkatkan kesedaran dan memacu tindakan ke arah pemuliharaan lautan. Sorotan utama termasuk :

- Persidangan Kelestarian Lautan : Menghimpuhkan ahli sains marin, pakar, penggubal dasar dan pihak berkepentingan untuk membincangkan pemuliharaan marin dan penyelesaian mampan untuk kesihatan lautan dan kesan perubahan iklim.

- Bengkel Pemuliharaan Marin : Sesi praktikal yang mendidik peserta tentang kepentingan terumbu karang, ancaman yang dihadapi, dengan maklumat khusus kepada ekosistem NBD. Bengkel termasuk fabrikasi bebola terumbu, menanam terumbu karang di atas kapal dan di bawah air dan teknik penggunaan bebola terumbu.

- Forum Belia Future Ocean Changemakers : Forum interaktif yang

bertujuan memperkasakan generasi akan datang untuk menyokong dan mengambil peranan aktif dalam pemuliharaan lautan, menghubungkan idea, semangat, wang dan pengalaman untuk belia mengambil tindakan.

- Kempen Kebersihan Pantai : Menggerakkan ratusan sukarelawan untuk mengutip plastik dan serpihan lain dari pesisir pantai Brunei, mengurangkan pencemaran dengan ketara dan memelihara hidupan marin di Pantai Meragang pada 9 Jun 2024.

Untuk Minggu Lautan Brunei 2025 pula, momentum yang dijana mendorong NBD ke arah pencapaian yang lebih hebat. Tindakan utama yang perlu diambil termasuk :

- Pelancaran Program Duta Laut Brunei : Satu inisiatif baharu yang bertujuan untuk merekrut dan melatih duta tempatan, untuk menyokong kelestarian lautan dalam komuniti mereka. Program ini akan memupuk rangkaian individu yang bersemangat dan berdedikasi, untuk melindungi persekitaran marin Brunei dan menghubungkan belia dengan sumber untuk membuat perubahan yang memberi kesan, kepada masyarakat di sekililing mereka.

- Pelaksanaan Dasar Perlindungan Marin : Bekerjasama rapat dengan pembuat dasar untuk mewujudkan dan menguatkuasakan peraturan, yang melindungi biodiversiti marin dan menggalakkan amalan mampan.

- Kempen Kesedaran Awam Yang Dipertingkatkan : Meneruskan mendidik dan melibatkan orang ramai melalui kempen yang disasarkan, ceramah sekolah, menekankan kepentingan mengambil tindakan, dalam memelihara lautan kita.

Kejayaan Minggu Lautan Brunei 2024 menggariskan komitmen kolektif terhadap kelestarian lautan. Sempena Hari Lautan Sedunia ini kita diingatkan bahawa setiap tindakan, tidak kira betapa kecilnya, boleh menyumbang kepada kesihatan dan kecerdasan lautan kita.



MENTERI LUAR SAMPAIKAN SUMBANGAN US\$1 JUTA AAKRP BANTU RAKYAT GAZA

KUALA LUMPUR, 11 Jun. - Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan yang kini dalam rangka lawatan kerja ke Jordan mewakili rakyat Malaysia menyampaikan cek simbolik bernilai US\$1,000,000 kepada dua pertubuhan di Jordan bagi membantu rakyat Palestin di Gaza mendapatkan rawatan kanser.

Mohamad menerusi perkongsian di Facebook beliau pada Selasa berkata kedua-dua pertubuhan itu ialah Pertubuhan Kebajikan Hashemite Jordan (JHCO) dan Pusat Kanser Raja Hussein (KHCC) dan setiap pertubuhan menerima US\$500,000.

Katanya sumbangan itu adalah hasil solidariti dan keprihatinan rakyat Malaysia melalui sumbangan ke Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP).

"Malaysia komited untuk bekerjasama dengan JHCO dalam usaha menghulurkan bantuan kemanusiaan untuk rakyat Palestin, kini dan pada masa akan datang," katanya.

Menurut Mohamad, dalam pertemuan dengan Setiausaha Agung JHCO Dr Hussein Mohammad Al-Shebli, beliau dimaklumkan bahawa JHCO menggunakan Jambatan Raja Hussein, satu-satunya laluan darat ke Gaza sejak penutupan pintu

sempadan Rafah di Mesir pada 7 Mei, 2024.

Beliau berkata JHCO memainkan peranan penting dalam menguruskan penghantaran bantuan dari pelbagai organisasi antarabangsa dan negara penyumbang.

Menurut Mohamad, beliau turut singgah melawat pusat rawatan kanser KHCC dan disambut mesra oleh Pengurus Pemegang Amanah Puteri Ghida Talal.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Nisreen Qatamesh dan Pengarah Kutipan Sumbangan Abeer Al-Maghribi.

Menurut beliau KHCC, yang ditubuhkan pada 1997, menyediakan rawatan kanser percuma dan penyelidikan bertaraf dunia.

Pusat itu kini sedang merawat 300 pesakit kanser rakyat Palestin.

Mohamad memberitahu JHCO dan KHCC sangat menghargai sumbangan yang diberikan rakyat Malaysia sebagai tanda solidariti dengan rakyat Palestin.

"KHCC juga berharap dapat menjalin kerjasama dengan Persatuan Kanser Negara (Malaysia) untuk memperku强其勢 usaha rawatan dan penyelidikan kanser di masa hadapan," katanya.

Mohamad berkata dalam kedua-dua pertemuan yang berlangsung

di Jordan beliau menekankan komitmen Malaysia dalam memberikan bantuan kemanusiaan dan kesihatan kepada rakyat Palestin serta mengukuhkan kerjasama dengan institusi-institusi terkemuka di Jordan.

Beliau turut berharap semoga kerjasama yang terjalin ini terus membawa harapan dan bantuan yang amat diperlukan oleh rakyat Palestin di Gaza.

Sementara itu, Kementerian Luar (Wisma Putra) menerusi hantaran di Facebook pada Selasa berkata memanfaatkan kedudukan Jordan yang berhampiran dengan Gaza dan infrastruktur bantuan yang kukuh, kerjasama Malaysia dengan JHCO, termasuk perolehan bekalan penting seperti makanan, bekalan perubatan dan keperluan penting lain.

"Bekalan ini penting untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan rakyat Gaza," katanya.

Menurut Wisma Putra, sumbangan US\$500,000 kepada KHCC bertujuan untuk membantu dalam menampung kos rawatan untuk rakyat Palestin.

Mohamad berada di Jordan untuk menghadiri Persidangan Peringkat Tinggi "Panggilan Untuk Bertindak: Respons Kemanusiaan Segera

untuk Gaza" yang dianjurkan bersama oleh Raja Jordan, Raja Abdullah II, Presiden Mesir, Abdel Fattah al-Sisi, dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB), António Guterres yang akan berlangsung Selasa (11 Jun). - ©BERNAMA

Nahas helikopter MSDF : Jepun isytihar 7 kru hilang meninggal dunia

TOKYO, 11 Jun. - Kementerian Pertahanan Jepun pada Selasa mengisyiharkan kematian tujuh kru yang disenaraikan sebagai hilang sejak perlenggaran dua helikopter peronda Pasukan Pertahanan Diri Maritim Jepun (MSDF) pada April, lapor Xinhua.

"Saya merasa kesal kerana kami berusaha keras mencari mereka. Saya juga berasa sedih untuk keluarga mereka," kata Menteri Pertahanan Minoru Kihara pada sidang media, sambil menambah bahawa MSDF akan terus mencari jasad kru dan bangkai helikopter berkenaan.

Bilangan kematian akibat nahas helikopter itu meningkat kepada lapan orang, dengan hanya satu mayat berjaya ditemui setakat ini.

Dua helikopter SH-60K, masing-masing membawa empat anggota MSDF, berlanggar dan terhempas semasa latihan malam pada 20 April di perairan berhampiran Kepulauan Izu, kira-kira 600 km selatan Tokyo. - ©BERNAMA

Warga Eropah mengundi pada hari terakhir pemilihan

BRUSSELS, 9 Jun. - Pilihan raya Parlimen Eropah akan melabuhkan tirainya pada Ahad, hari terakhir pengundian dan sehingga 360 juta orang di seluruh 27 negara anggota Kesatuan Eropah (EU) membuat undi mereka selama empat hari, lapor agensi berita Jerman (dpa). Pengundian berlangsung sejak Khamis, dengan Belanda memulakan proses itu. Ireland menyusul pada Jumaat, dengan rakyat Czech mengundi selama dua hari.

Sabtu adalah hari pengundian untuk Latvia, Malta dan Slovakia, serta hari pertama daripada dua hari pengundian untuk Itali dan Estonia, sementara pemilih di negara

anggota selebihnya mengundi pada Ahad.

Sebanyak 720 Ahli Parlimen Eropah (MEP) akan dipilih daripada ribuan calon. Ini adalah bilangan ahli yang kurang sedikit berbanding pilihan raya sebelum ini, sebahagiannya kerana jumlah kerusi parlimen mengecil apabila United Kingdom meninggalkan EU pada 2020.

Perdana Menteri Itali Giorgia Meloni, mendahului pesaing-pesaingnya menjelang hari terakhir pengundian dan berkemungkinan akan menjadi penentu bagi Presiden Suruhanjaya Eropah yang seterusnya jika Brothers of Italy

(FdI) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru dijangka diumumkan pada Ahad antara pukul 8.15 malam dan 8.30 malam (1815-1830 GMT). Keputusan awal pertama dari beberapa negara EU dijangka selepas pukul 11.00 malam. - ©BERNAMA

(Fdl) mencatatkan undian yang besar.

Jika ramalan peramal adalah tepat, parti-parti sayap kanan akan memperoleh keputusan yang lebih baik kali ini berbanding sebelumnya dan berpotensi mempengaruhi segala-galanya daripada dasar EU mengenai migrasi dan iklim.

Ramalan pertama untuk pengagihan kerusi dalam Parlimen Eropah yang baru di



ePaper Pelita Brunei



KUNJUNGAN MUHIBAH PERKUKUHKAN HUBUNGAN, PERSEFAHAMAN

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Kunjungan muhibah Presiden Bola Sepak Sri Lanka, Jaswar Umar kepada Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) membuka lembaran baharu bagi mengukuhkan perhubungan dan persefahaman, di samping menjadi peluang meneroka bidang yang boleh dimanfaatkan bersama khususnya dalam memajukan

bola sepak persatuan masing-masing.

Semasa perjumpaan, Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff menjelaskan beberapa perkembangan dan perancangan menjurus kepada meningkatkan prestasi bola sepak Negara Brunei Darussalam ketika ini.

Jaswar Umar turut berasa kagum atas usaha aktif

FABD dalam memajukan perkembangan bola sepak daripada pasukan akar umbi, remaja sehingga peringkat kebangsaan.

Beliau yakin perancangan FABD yang teratur juga akan memberi kesan yang sangat positif kepada pembangunan dan mutu bola sepak Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan muhibah yang berlangsung di FABD House itu juga dihadiri oleh Timbalan



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff dan Presiden Bola Sepak Sri Lanka, Jaswar Umar semasa kunjungan muhibah berkenaan.

Presiden FABD, Awang Haji Mahrub Haji Murni.

Jaswar Umar berada di Days yang melibatkan Pasukan Sri Lanka.

Kontinjen MS SSBD selamat kembali ke tanah air



KONTINJEN MS SSBD selamat kembali ke tanah air selepas menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Da Nang, Viet Nam (atas). Sementara gambar kiri, sebanyak dua pingat berjaya dikutip, iaitu satu pingat perak melalui Awang Md. Azinuddin bin Md. Azree dalam sukan Pencak Silat Tanding Kelas C Putera; dan satu pingat gangsa melalui Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohd Fauzi dalam sukan Pencak Silat Seni Tunggal Puteri.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 10 Jun. - Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) telah selamat kembali ke tanah air selepas menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13 (ASEAN School Games-13 - ASG13) bagi Tahun 2024 yang telah berlangsung di Da Nang, Viet Nam.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan para kontinjen, Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan,

Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais. Doa Kesyukuran bagi menyambut ketibaan rombongan dibacakan oleh Awang Muhammad Zainuddin Shah bin Talip.

Kontinjen MS SSBD terdiri daripada 56 orang, iaitu 33 atlet (pelajar) dan 23 pegawai yang diketuai oleh Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, selaku Chef-de-Mission kontinjen MS SSBD.

MS SSBD telah menyertai lima acara sukan, iaitu badminton, bola keranjang, olahraga, renang dan pencak silat.

Tahun ini merupakan penyertaan kali ke-12 sejak kejohanan tersebut dianjurkan

pada 2009.

Pada kejohanan tahun ini, MS SSBD berjaya mengutip dua pingat, iaitu satu pingat perak melalui Awang Md. Azinuddin bin Md. Azree dalam sukan Pencak Silat Tanding Kelas C Putera; dan satu pingat gangsa melalui Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohd Fauzi dalam sukan Pencak Silat Seni Tunggal Puteri.

Selain itu, beberapa atlet (pelajar) juga berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam acara masing-masing.

Antaranya ialah Awang Abdullah Abbas bin Abdullah yang telah berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam

acara Olahraga 3,000 meter (m) dengan catatan masa 9:41.92 saat (s) dan rekod sebelum ini adalah 9:48.21s.

Manakala dalam sukan renang pula, Dayang Hayley Wong Ann Yue telah berjaya memecahkan rekod kebangsaan dalam acara Renang Gaya Bebas (50m) dengan catatan masa 27.94s dan rekod masa sebelum ini adalah 28.07s; serta pemegang bersama rekod kebangsaan dalam acara Kuak Dada 100m dengan catatan masa 1:19.74s.

Turut hadir di LTAB ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan para ahli keluarga atlet (pelajar).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KESEDARAN, PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL